

PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG DAN REAKSI PENDUDUK

KAMPUNG MORTEN

OLEH

BAHARI BIN HARUN.

LATIHAN ILMIAH INI ADALAH UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA,

JABATAN PENGAJIAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

SESSI 1987/1988.

UNIVERSITI MALAYA,
LEMBAH PANTAI, 59100,
KUALA LUMPUR.
1988.

BUAT MAK DAN ABAH,

HANGAT KASIHMU,

MENGUNUNG HARAPAN MU,

MEMBUAT AKU CEKAL MENYEMPURNAKAN,

TUGAS HIDUP INI,

BUAT ADIK BERADIK KU.

DOAKAN SEMUGA AIEE

TIDAK MENGHAMPAKAN HARAPAN MU.

Sinopsis.

Latihan ilmiah ini merupakan satu penghuraian secara diskriptif mengenai proses pembandaran dan kesannya ke atas orang melayu di Bandar Melaka. Seluruh latihan ilmiah ini dibahagikan kepada lima bab.

Bab pertama menerangkan tentang latar belakang Bandar Melaka iaitu pertumbuhannya dari sebuah perkampungan nelayan yang mengalami pertumbuhan yang pesat hingga ditakluki oleh penjajah-penjajah barat yang akhirnya meninggalkan kesan latar bentuk keatas Bandar Melaka.

Melalui bab ini juga akan dilihat perkembangan bandar hingga membawa kepada masalah-masalah kekurangan kawasan. Ekorannya menyebabkan pembangunan semula kawasan bandar dilakukan yang melibatkan perkampungan orang-orang melayu di bandar. bab ini juga membicarakan konsep-konsep yang berkaitan.

Bab kedua pula melihat latar belakang tempat kajian iaitu salah sebuah kampung yang ingin dibangunkan semula. Aspek yang dibicarakan dalam bab ini ialah sejarah pembukaan kampung tersebut, aspek-aspek kehidupan, seperti masalah dan kemudahan-kemudahan yang terdapat dan dinikmati. Di samping itu dalam bab ini juga akan menerangkan tentang cadangan projek yang dicadangkan untuk dijalankan.

Bab ketiga akan meninjau tentang kedudukan sosio-ekonomi penduduk tersebut. Aspek yang akan dilihat ialah pekerjaan,pendapatan, perbelanjaan

ini penting bagi menerangkan keputusan ataupun reaksi yang ditunjukkan terhadap projek yang dicadangkan.

Bab keempat akan menganalisa mengapa dan sebab satu-satu reaksi itu diberikan. Ianya meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial.

Akhirnya dalam bab lima merupakan bab kesimpulan yang akan membicarakan keseluruhan kajian. Dalam bab ini juga pengkaji akan menyarankan cara untuk membangunkan kampung itu.

Penghargaan

Bagi menyudahkan latihan ilmiah ini saya mendapat pertolongan dan kerjasama dari beberapa orang perseorangan dan kumpulan. Semua pertolongan itu walau dalam apa bentuk sekalipun telah meringankan beban dan memungkinkan usaha ini dapat dijalankan dengan licin dan teratur.

Pertamanya, saya amat berterima kasih kepada Profesor Madya Dr. Azizah Kasim yang telah sanggup menjadi penyelia dalam penulisan latihan ilmiah ini. Beliau telah memberi banyak pandangan dan cadangan yang amat berharga. Kesungguhan dan ketabahan beliau menjadi asas yang kuat mendorong saya menyudahkan tugas ini. Semuanya ini akan kekal dalam ingatan.

Saya juga amat terhutang budi kepada penduduk Kampung Morten terutamanya yang menjadi responden dalam kajian ini kerana kerjasama yang diberikan. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada yang berjasa Dato' Sidabg Joret bin Ali selaku ketua kampung dan Encik Muhidan bin Mohd Natar selaku ketua UMNO cawangan Kampung Morten.

Ucapan penghargaan juga saya ucapkan kepada Encik Abdullah bin Jaafar, pegawai di PKNM yang telah banyak memberikan butir-butir terperinci mengenai projek yang dicadangkan. Kesediaan beliau memberikan rangka-rangka projek dan cadangan-cadangan adalah amat-amat dihargai.

Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Azman bin Bidib dan Encik Md. Rahim bin Abu Chik yang telah banyak membantu saya ketika menjalankan kerja luar. Kesudian kalian berdua

membawa ke mana sahaja untuk tujuan kajian ini tanpa meminta sebarang bayaran adalah sangat mengharukan. Begitu juga halnya dengan Encik Hasim bin Harun yang turut sama berjaga malam menyusun latihan ilmiah ini.

Akhirnya kepada semua yang telah menghulurkan pertolongan dan kerjasama sepanjang usaha ini saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Hanya ALLAH sahaja yang dapat membalas jasa bakti semua yang terlibat.

Daftar isi kandungan.

muka surat

Sinopsis	I
Penghargaan	II
Senarai isi kandungan	III
Senarai jadual, rajah dan peta	
 Pengenalan dan pendahuluan	 1
Bidang kajian	1
Kepentingan kajian	3
Kaedah kajian	4
Masalah kajian	7
 Bab 1: Konsep bandar dan latar belakang Bandar Melaka.	 12
1:1. Bandar dan pertumbuhannya	12
1:2. Latar belakang Bandar Melaka	16
1:3. Bandar Melaka hari ini	21
1:4. Konsep pembangunan	22
 Bab 2: Latar belakang tempat kajian	 26
2:1 Sejarah Kampung Morten	26
2:2 Lokasi Kampung Morten	29
2:3 Profil Kampung Morten	30
2:4 Cadangan projek	36
 Bab 3: Latar belakang sosio-ekonomi penduduk Kampung Morten	 41
3:1 Aspek perhubungan sosial	41
3:2 Kepimnandan pentadbiran	45

3:3 Latar belakang sosio-ekonomi	47
3:4 Kesimpulan	58
 Bab 4. Reaksi penduduk terhadap rancangan pembangunan di Kampung	60
4:1 Pengenalan	60
4:2 Reaksi responden	61
4:2:1 Reaksi positif	62
4:2:2 Reaksi negatif	65
4:2:3 Reaksi neutral	73
4:3. Kesimpulan	74
 Bab5: Kesimpulan	76
 Lampiran 1: Senarai gambar	84
Lampiran 2: Senarai Soal slidek	88

Pengenalan dan Pendahuluan

Bidang kajian

Kajian ini akan melihat perkembangan atau proses pertumbuhan bandar Melaka. Menurut kajian sejarah, Negeri Melaka merupakan sebuah negeri yang mempunyai sejarah yang amat panjang. Bermula dari sebuah perkampungan nelayan yang kecil semasa ditemui dan dibuka oleh Parameswara kemudiannya berkembang dengan pesat menjadi sebuah pelabuhan yang pesat di rantau ini. Bandar Melaka ketika itu dihuni oleh pelbagai suku bangsa tempatan termasuklah peniaga-peniaga dari China, India dan Arab. Ini dibuktikan dengan kehadiran Kampung Bukit China bagi menempatkan orang China dan Kampung Keling bagi menempatkan Orang India. Ciri kepelbagaiaan ini boleh memungkinkan kita mengiktiraf Melaka adalah sebuah bandar selain daripada bilangan penduduknya yang ramai dan kepadatan yang tinggi seperti yang disarankan oleh Louis Wirth dalam artikelnya "Urbanisme as a way of life"¹.

Peranannya sebagai sebuah pusat perniagaan entrepot yang terkenal dan sebagai pusat penyiaran agama islam di rantau ini telah menyebabkan berlakunya perkembangan bandar. Buku "Sejarah Melayu" walaupun hanya sebuah karya sastera tetapi masih dapat digunakan untuk menceritakan keadaan Negeri Melaka pada waktu itu. Menurut Sejarah Melayu, jika seekor kucing berjalan di atas bumbung nescahaya ia akan dapat berjalan hampir ke seluruh bandar tanpa menjejekkan kaki ke tanah. Ini menggambarkan berapa pesatnya pembandaran bandar pada waktu itu.

Kehadiran kuasa-kuasa penjajah barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris walaupun pada mulanya membawa kepada kemerosotan bandar tetapi pada akhirnya terutamanya pada zaman Inggeris bandar Melaka mula berkembang. Satu hal yang nyata ialah kedatangan kuasa-kuasa barat ini telah mengubah latar bentuk bandar Melaka iaitu dengan struktur binaan daripada batu.

*1. Louis Wirth "urbanisme as a way of life" American Journal of Sociology, Vol 14, July, 1935.

Kepesatan perkembangan Bandar Melaka ini telah melahirkan beberapa kawasan pinggir bandar yang kebanyakannya di huni oleh orang-orang melayu. Melalui masa dan proses perkembangan bandar yang berterusan kawasan-kawasan yang dulunya merupakan kawasan pinggir bandar kini telah berada di tengah pusat bandar. Walaupun telah lama berada dalam arus kemodenan hidup bandar kebanyakan daripada kawasan ini masih mengekalkan corak hidup kekampungan yang dipusakai zaman berzaman. Tumpuan kajian ini adalah terhadap penduduk Kampung Morten iaitu salah sebuah pertempatan orang melayu yang masih mengekalkan corak kehidupan tradisi.

Kerajaan negeri telah merancang untuk mengubah struktur kampung ini iaitu dengan membina rumah pangsa setinggi empat tingkat bagi menggantikan rumah-rumah mereka yang lama dan seterusnya menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung tersebut. Cadangan kerajaan ini telah ditolak oleh mereka. Untuk kedua kalinya kerajaan telah bercadang mengubah bentuk kampung tersebut dengan cadangan membina rumah berkembar setinggi tiga tingkat untuk menempatkan penduduk kampung itu. Rancangan kali ini juga telah menerima berbagai reaksi daripada penduduk Kampung Pengajian tentang reaksi yang ditunjukkan inilah yang menjadi motif utama.

Dalam menerangkan reaksi penduduk pengkaji akan cuba menganalisa nya dari beberapa sudut yang dirasakan bersesuaian iaitu dari aspek politik, ekonomi dan sosial penduduk ke kampung tersebut.

Selain daripada itu pengkaji akan cuba melihat masa depan kampung tersebut.

Kepentingan kajian

Kepesatan pembangunan yang dialami oleh negara kita sejak akhir-akhir ini sememangnya amat ketara sekali. Di mana-mana negeri kita akan dapat melihat berbagai-bagai projek seperti perindustrian, perumahan, pembinaan jalan raya dan lain-lain projek menyediakan kemudahan infrastruktur giat dijalankan. Keadaan ini memaksa kerajaan mengambil tanah-tanah yang terlibat terutamanya kawasan di pinggir bandar untuk dimajukan. Rata-rata kawasan yang terlibat ini merupakan perkampungan orang-orang melayu. Pengambilan kawasan-kawasan ini yang kemudiannya dimajukan semestinya memberi sedikit-sebanyak kesan ke atas kedudukan sosio-ekonomi penduduk yang terlibat secara langsung atau penduduk di kawasan persekitarannya.

Menyedari diri mereka terlibat dalam rancangan-rancangan pembangunan seperti ini maka akan timbullah reaksi-reaksi tertentu. Pekara yang menjadi lumrah yang dihadapi oleh perancang-perancang projek ialah keengganan setengah pihak menerima projek yang dicadangkan dengan mengemukakan masalah-masalah tertentu. Keengganan ini sedikit sebanyak akan melambatkan lagi proses pembandaran atau proses pembangunan dijalankan.

Bagi mengatasi masalah ini, apa yang penting diketahui ialah punca keengganan dan alasan-alasan yang dikemukakan. Dari sini kita akan mengetahui keadaan yang sebenar mengenai masalah ini. Pengetahuan atau kefahaman tentang duduk pekara yang sebenar ini akan menjadi satu garis panduan yang berguna dalam merangkakan projek-projek lain. Inilah yang cuba dilihat oleh pengkaji.

Pengkaji berharap akan mendapati penemuan-penemuan yang menjadi asas keengganan mereka dalam menerima projek-projek yang dicadangkan dan seterusnya menggagalkan usaha-usaha kerajaan. Dari penemuan-penemuan ini pengkaji akan membuat saranan-saranan yang diharapkan dapat memberi sumbanganserba sedikit kepada agensi-agensi pembangunan dan pihak-pihak lain yang terlibat tentang pekara-pekerja yang harus diambilkira dalam

membuat polisi-polisi pembangunan terutamanya yang melibatkan orang-orang melayu.

Selain daripada itu diharapkan kajian ini akan menambahkan lagi perbendaharaan sains masyarakat tempatan dan meluaskan lagi ilmu sosiologi tempatan khususnya mengenai perubahan masyarakat melayu.

Kaedah Kajian

Sesebuah kajian ilmiah sudah semestinya dikendalikan dengan cara dan method yang sistematik dan bermakna bagi menjamin pengumpulan idea yang teratur dan hasil yang boleh dibanggakan. Dalam melaksanakan kajian ini beberapa kaedah digabungkan bersesuaian dengan matlamat yang dicita-citakan, Kaedah-kaedah yang digunakan ialah:

1. Pemerhatian
2. Temubual
3. Soal selidik
4. Penyelidikan data-data sekunder.

1. Kaedah pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu cara yang baik untuk mendapatkan gambaran kasar tentang sesuatu pekara. Ianya perlu dilakukan dengan kesedaran bahawa pemerhatian yang baik akan dapat menghasilkan rumusan yang juga baik.

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian ini digunakan untuk meninjau perkembangan bandar secara kasar. Pekara ini dapat dilakukan tanpa begitu banyak masalah kerana pengkaji memang berasal dari daerah ini. Hampir semua perubahan yang berlaku terutama pada bentuk fizikal bandar dapat dilihat dan kadang-kadang juga dirasakan oleh pengkaji.

Fokus penting yang menjadi pemerhatian pengkaji ialah tapak kajian itu sendiri. Pemerhatian ke atas kawasan persekitaran kampung tersebut, bentuk dan kualiti rumah, pemilikan ke atas barang-barang

tertentu, kemudahan-kemudahan dan sebagainya dapat memberi gambaran dan penjelasan yang lebih baik tentang sesuatu perkara yang bersangkutan dengan kajian ini.

Kaedah ini boleh bertindak sebagai penguat dan pembantu kaedah-kaedah lain bagi mendapatkan maklumat yang lebih baik dan lengkap iaitu dengan cuba memastikan sama ada para responden telah berlaku jujur dan tidak cuba merahsiakan sesuatu daripada pengetahuan pengkaji.

2. Kaedah temubual

Kaedah temubual ini akan digunakan untuk meninjau sejarah perkembangan kampung tersebut, kehidupan penduduk kampung itu pada masa sekarang dan pandangan tentang masa depan kampung tersebut. Untuk tujuan ini cerita-cerita dan pandangan golongan tua, ketua kampung dan golongan-golongan pentadbiran yang terlibat secara langsung dengan projek yang dicadangkan akan diminta. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin tempatan.

Dalam temubual ini juga mereka diberikan kesempatan untuk memberikan pendapat tanpa sekatan. Tujuan utamanya ialah untuk memastikan pengkaji tidak mempunyai pengetahuan yang terbatas tentang kampung tersebut dan juga tentang projek dan prospek masa depan kampung tersebut.

Disamping itu apa yang cuba diperolehi daripada kaedah ini ialah penjelasan tentang sikap mereka yang ditemubual tentang usaha-usaha kerajaan untuk memajukan kampung tersebut.

3. Kaedah soal selidik

Kaedah ini merupakan cara yang paling penting dalam kajian ini. Darinya pengkaji cuba mencungkil sebanyak mungkin maklumat yang dirasakan penting dalam mencari hubungkait antara keadaan responden dengan reaksi yang mereka tunjukkan.

Soalan-soalan yang dikemukakan berkisar kepada latar belakang responden seperti aspek keluarga, pekerjaan, pendidikan, pemilikan dan beberapa lagi aspek yang difikirkan bersangkutan.

Soal selidik ini terdiri daripada dua jenis soalan. Pertamanya ialah soalan tertutup. Soalan-soalan tertutup ini ialah soalan yang dikemukakan disertai dengan beberapa kategori jawapan. Responden hanya perlu pilih jawapan yang difikirkan bersesuaian.

Jenis soalan kedua ialah soalan terbuka. Tiada kategori jawapan disediakan untuk soalan-soalan terbuka seperti ini. Soalan terbuka ini lebih mirip kepada meminta pendapat atau pandangan seseorang responden tentang sesuatu perkara. Namun begitu konsep soalan ini berbeza dengan konsep soalan yang ditanyakan dalam kaedah temubual. Dalam kaedah temubual, hanya soalan tertentu disoalkan kepada orang tertentu dan ada di antaranya yang datang secara seponan. Ini berbeza dalam kaedah soal selidik, di mana soalan yang sama ditanyakan kepada semua responden.

4. Kaedah penyelidikan data-data sekunder

Oleh kerana kajian ini melibatkan serba sedikit dengan sejarah Negeri Melaka umumnya dan sejarah Kampung Morten itu sendiri maka kajian-kajian perpustakaan adalah amat penting untuk mengesan asal mula sesuatu perkara.

Kajian perpustakaan ini juga amat penting untuk mengetahui tentang sesebuah tiori atau sesuatu konsep yang melibatkan atau berkaitan dengan kajian ini. Contohnya ialah konsep perbandaran, konsep nilai dan konsep pembangunan.

Selain daripada itu kaedah ini juga digunakan untuk melibat data-data yang berkaitan dengan projek-projek yang dicadangkan. Dalam hal ini bantuan dari pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan projek tersebut adalah amat perlu. Pengkaji dibenarkan menggunakan perpustakaan jabatan dan dibenarkan menyemak fail-fail yang difikirkan sesuai. Contohnya ialah minit-minit mesyuarat dan kertas kerja berkenaan dengan projek tersebut.

Disamping kesemua kegunaan di atas pengkaji juga telah merujuk kajian-kajian yang sebelumnya sebagai asas atau panduan dalam menulis kajian ini.

Cara pemilihan responden

Melalui kajian awal atau 'pilot survey' yang dijalankan, pengkaji mendapati ada sejumlah 97 buah rumah di kampung tersebut. Rumah-rumah ini terletak di sepanjang tiga buah lorong yang terdapat di kampung tersebut. Jadi pengkaji mengandaikan bahawa dalam setiap buah lorong itu terdapat sebanyak lebih kurang 32 buah rumah.

Dalam kajian ini pengkaji telah menetapkan untuk mengambil sebanyak 50 orang responden untuk mewakili keseluruhan populasi di kampung tersebut. Bagi tujuan itu pengkaji telah memilih seramai 16 orang responden dari lorong satu, dan 17 responden dalam lorong dua dan lorong 3. Responden-responden ini telah dipilih dengan cara selang sebuah rumah.

Madalah kajian

Dalam kajian-kajian sains sosial yang memangnya melibatkan tentang manusia maka pengkaji tidak akan terlepas daripada menghadapi masalah. Ini kerana sifatnya yang subjektif iaitu berkaitan dengan soal soal nilai dan sikap terutamanya mengenai pekara-pekerja yang berhubungan dengan pendapatan, simpanan, minat dan tanggapan mereka tentang sesuatu pekara. Pada umumnya orang-orang melayu tidak mahu berterus terang apabila menceritakan pekara-pekerja yang melibatkan diri dan keluarga mereka kepada orang lain. Bagi mereka soal-soal keluarga terutamanya masalah keluarga bukanlah satu pekara yang dapat dikongsi dengan orang lain, lebih-lebih lagi orang yang asing dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Keadaan ini mungkin kerana faktor sosialisasi keluarga kepada anak-anak mereka yang mereka pusakai sejak dulu lagi. Mereka juga berpegang teguh kepada konsep "tidak mahu membuka pekung di dada". Faktor-faktor

inilah sedikit sebanyak membawa masalah kepada pengkaji.

Pada keseluruhannya ada tiga kategori masalah yang dihadapi oleh pengkaji. Pertamanya ialah masalah yang dihadapi ketika mendapatkan maklumat ataupun data-data daripada para responden. Masalah kedua pula ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat lengkap mengenai projek yang ingin dijalankan. Ketiganya pula ialah masalah-masalah yang timbul sewaktu mula menulis kajian ini.

Masalah yang dihadapi daripada responden

Masalah pertama yang dihadapi ialah untuk berjumpa dengan ketua rumah. Kebanyakan responden pergi kerja awal pagi dan balik ke rumah pada lewat petang. Jadi pengkaji hanya dapat menjalankan kerja luar pada waktu mereka habis berkerja. Masalah yang timbul ialah dalam masa sesingkat itu tidak ramai responden yang dapat ditemui.

Masalah lain yang timbul ialah kebanyakan mereka telah terlalu keletihan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Lebih memburukkan lagi keadaan ialah sebahagian daripada jadual kajian terpaksa dijalankan dalam bulan Ramadhan. Ini mengurangkan lagi minat dan kesungguhan responden untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Menyedari hal ini pengkaji terpaksa datang hanya pada hari-hari cuti dan kelepasan umum dengan harapan dapat memberikan keselesaan kepada responden dan seterusnya mendapatkan maklumat yang lebih baik.

Tujuan ini juga tidak dapat dicapai dengan memuaskan kerana pada hari-hari cuti para responden begitu sibuk dengan persiapan-persiapan untuk menyambut hari lebaran seperti membersihkan kawasan persekitaran dan mengecat rumah. Dalam usaha untuk tidak seolah-oleh memaksa responden menjawab soalan yang dikemukakan kerana terpaksa meninggalkan kerja mereka, pengkaji terpaksa mengambil keputusan menghentikan kajian buat sementara sehingga selepas Hari Raya. Ini menjadikan masa menjalankan kajian luar lebih lama.

Dalam kes-kes di mana ketua rumah tidak dapat ditemui walaupun setelah membuat beberapa temujanji maka pengkaji akan menanyakan soalan-soalan soal selidik kepada ahli-ahli keluarga yang lain terutama isteri responden.

Seperti yang telah diterangkan awal tajuk ini ialah terdapatnya beberapa orang responden yang enggan memberikan maklumat-maklumat tertentu. Pengkaji juga tidak dapat melarikan diri dari dituduh sebagai 'orang kerajaan' yang cuba mengorek rahsia mereka. Pengkaji dapati mereka lebih sukar untuk menjawab soalan-soalan yang melibatkan soal-soal yang berkaitan dengan kewangan mereka seperti pendapatan, perbelanjaan dan simpanan mereka. Mereka bimbang dengan penjelasan mereka akan membuatkan kerajaan menaikkan lagi cukai-cukai yang perlu mereka bayar. Namun begitu setelah diterangkan kedudukan pengkaji yang hanya ingin menjalankan kajian di kampung mereka ditambah dengan menunjukkan kad pengenalan diri dari jabatan barulah mereka percaya dan bersedia memberikan kerjasama.

Masalah seterusnya yang dihadapi oleh pengkaji ialah untuk menentukan kesahihan jawapan yang diberikan oleh responden. Ada di antara responden yang cuba mengelakkan diri dari menjawab soalan-soalan yang tertentu dan kadang-kadang jawapan yang diberikan agak kabur. Untuk mengatasi masalah ini pengkaji terpaksa mengulang-ulang persoalan yang sama sehinggalah mendapatkan jawapan yang konsisten. Langkah lain yang diambil oleh pengkaji ialah dengan bersikap sedikit 'busy-body' iaitu dengan cuba menanyakan pekara-pekerja yang diragui daripada responden yang lain.

Kebosonan para responden juga timbul kerana sebelum kajian ini dibuat telah ada beberapa kajian yang dibuat oleh beberapa orang pelajar dari USM dan kajian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sendiri. Sekali lagi pengkaji terpaksa menerangkan bahawa kajian yang dibuat oleh pengkaji ini berlainan dengan kajian-kajian terdahulu; berlainan dalam erti kata

berlainan tempat belajar (universiti). Pengkaji kemudiannya dapat menyakinkan responden tentang keadaan ini dan seterusnya mendapat reaksi yang memuaskan.

Masalah mendapatkan maklumat lengkap mengenai projek

Maklumat-maklumat lengkap mengenai projek yang dicadangkan adalah amat penting dalam kajian ini untuk mengetahui hubungannya dengan reaksi penduduk kampung.

Pada mulanya pengkaji telah pergi ke Unit Perancangan Ekonomi Negeri. Setelah melalui beberapa peraturan tertentu pengkaji telah dibenarkan melihat sebuah fail khas mengenai Kampung Morten. Malangnya pengkaji hanya mendapati minit-minit mesyuarat mengenai cadangan untuk memajukan kampung tersebut. Untuk mendapat maklumat lengkap tentang projek yang ingin dijalankan pengkaji telah diarahkan ke MPMT. Di MPMT, pengkaji telah diberitahu bahawa MPMT hanyalah sebagai jentera perlaksana dan bukan merancang projek tersebut.

Pengkaji kemudiannya diarahkan ke PKNM. Di sinilah baru pengkaji mendapatkan maklumat lengkap mengenai projek yang dicadangkan. Perlu dijelaskan bahawa untuk mendapatkan maklumat ini pengkaji terpaksa berulang-alik ke pejabat-pejabat tersebut. Pertamanya kerana kesibukkan pegawai-pegawainya. Keduanya ada di antara pegawai-pegawai atasan yang berkuasa membenarkan laporan itu dilihat bercuti ataupun berkursus. Tanpa kebenaran daripada mereka laporan-laporan itu tidak dapat disemak oleh pengkaji.

Masalah semasa menulis kajian

Dalam menulis kajian ini pengkaji kurang mendapat bahan-bahan yang sesuai seperti untuk mendapatkan sesuatu teori dan konsep. Apa yang lebih menyulitkan lagi keadaan ialah penguasaan bahawa Inggeris pengkaji yang lemah. Untuk itu lebih banyak masa terpaksa digunakan untuk mencari dan memahami sesuatu teori atau konsep.

Selain daripada itu pengkaji juga menghadapi masalah mendapatkan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelumnya. Jadi pengkaji tidak dapat mengulas dan seterusnya membandingkan kajian pengkaji dengan kajian-kajian yang lepas.

Dalam menjalankan kajian perpustakaan, pengkaji juga mendapati tidak ada kajian yang benar-benar sesuai dan sama untuk dijadikan panduan dan perbandingan. Ekoran daripada keadaan ini pengkaji menghadapi kesulitan untuk menentukan skop yang sesuai untuk dibicarakan. Kesudahannya pengkaji terpaksa bersendirian menyiapkan kajian ini. Namun begitu faktor inilah juga yang menjadikan pengkaji lebih bersemangat untuk meneruskan kajian ini.

Bab 1

Konsep Bandar Dan Latar Belakang Bandar Melaka

1.1. Bandar dan pertumbuhannya

Setakat ini terdapat berbagai pandangan yang berbeza mengenai erti dan istilah bandar. Pengertian bandar bagi ahli-ahli geogharapi berbeza dengan pengertian bandar oleh ahli-ahli sosiologi dan kedua-duanya berbeza dengan pengertian bandar oleh ahli ekonomi. Ahli geogharapi barat seperti Maunier apabila memberi definisi bandar banyak menekankan kepada aspek geogharaphi dengan mengatakan bahawa bandar adalah satu masyarakat yang lengkap yang mana kedudukan geogharaphinya menghadkan saiz penduduknya atau dimana elemen kawasannya lebih banyak bergabung dibandingkan dengan elemen kemanusiaan.²

Sementara ahli sosiologi seperti Louise Wirth lebih menekankan kepada bentuk dan kualiti bandar sebagai kawasan penempatan yang relatif besar dengan penduduk yang padat di samping latar belakang sosial yang berbagai-bagai di kalangan penduduknya.³

Weber dalam memberikan definisi bandar telah melihat kepada sudut ekonomi dengan mengatakan bandar adalah merupakan kawasan di mana penduduknya menjalankan kegiatan perniagaan dan perindustrian. Begitu juga dengan bergel, dia lebih menumpukan kepada aspek perekonomian. Katanya penduduk bandar pada kebiasaannya menjalankan aktiviti selain daripada pertanian.⁴

-
2. Maunier, "The Definition of City", American Journal of Sociology. Vol. 1, 5, 1977.
 3. Louise Wirth "Urbanisme As a Way Of Life", American Journal Of Sociology, Vol. 44 July 1938.
 4. E.E. Bergel "Urban Sociology, Mc.Graw-Hill Book Com. N.Y. 1955

Kesimpulan yang dapat dibuat mengenai definisi bandar ini ialah bandar adalah sebuah kawasan yang dihuni oleh jumlah penduduk yang ramai dan padat yang terdiri daripada berbagai suku kaum dengan latar belakang sosial yang berbagai-bagai. Mereka ini kebanyakannya terlibat dalam aktiviti perniagaan dan perindustrian serta giat dalam bidang politik dan sosial.

Proses pembandaran tidak serupa dengan pertumbuhan bandar. Pertumbuhan bandar bermula kira-kira 1,500 tahun yang lampau. Pertumbuhan ini berlaku terus menerus tanpa ada hanya tetapi proses pembandaran akan selesai setelah semua penduduk tinggal di bandar dan mengikut cara hidup dan menjadi sebahagian daripada sistem masyarakat bandar.⁵

Proses dan pertumbuhan bandar di negara ini berlaku secara pesat di masa-masa selepas Perang Dunia Kedua yang dimulakan selepas pengunduran kuasa-kuasa penjajah dan memuncaknya semangat kebangsaan di kalangan penduduk.

Dalam masa penjajahan dapat diperhatikan mereka menguasai bandar untuk dijadikan pusat pentadbiran dan bandar yang dikuasai itu merupakan bandar-bandar tradisi iaitu bandar yang telah muncul sebelum kedatangan pengaruh luar. Selain daripada itu penjajah membangunkan bandar-bandar baru untuk kepentingan mereka. Bandar-bandar ini boleh dibahagikan kepada bandar Grafted dan bandar Transplant.

Pada umumnya kedatangan penjajah yang terus menakluki bandar tradisi telah menyebabkan perubahan peranan dan rupabentuk bandar. Sebahagian besar perubahan-perubahan tersebut dilakukan untuk kepentingan penjajah dan bandar tradisi dibangunkan mengikut contoh di Eropah. Tingkat permodenan bandar tersebut bergantung kepada berapa pentingnya bandar tersebut sebagai pusat pentadbiran dan penguasaan penjajah. Orang

5. Davis K. "The Urbanisation Of The Human Population" dalam G. Breese (ed) The City in Newly Developing Countries. (Englewood, N.J. Prentka Hall 1969 M/S 5.

Portugis membangunkan bandar Melaka tanpa membuat perubahan yang radikal kerana mereka memasukkan unsur-unsur yang boleh menyenangkan mereka menjalankan tugas pada bentuk yang sedia wujud. Ini berbeza dengan dasar Belanda di Betawi yang mahu membentuk bandar itu supaya menjadi replika bandar di Eropah kerana mereka mahu tinggal di situ buat selamanya.

Orang Portugis mendiami kawasan perkubuan bertempat di Bukit St. Paul sekarang ini yang sebelumnya menjadi tapak istana Melaka. Kawasan yang sebelumnya diduduki oleh kelompok etnik seperti India di Kampung Keling. Orang Cina di Bukit China dan Orang Jawa di Kampung Jawa serta orang Melayu di sepanjang sungai dikekalkan kewujudannya. Bandar-bandar yang dimodenkan seperti ini dapat dianggap sebagai 'bandar Transplant'.

Bandar Grafted pula ialah bandar yang di ubah secara total iaitu baik dari segi rupabentuk fizikal bandar mahupun dalam struktur penduduk asalnya. Dengan kata lain pengubahan dilakukan dalam bentuk morfologi bandar dan struktur sosial yang telah wujud beberapa lama sebelum mereka datang dengan menggunakan model atau contoh yang terdapat di Eropah. Contoh bandar Grafted ialah Bandar Ranggon di Burma yang berkembang dengan rupa bentuk yang baru.

1.2. Latar belakang Bandar Melaka


Luas negeri Melaka ialah kira-kira 640 batu persegi. Ianya merupakan negeri yang kedua kecilnya selepas Perlis. Terletak di pantai Barat Semenanjung Malaysia dengan garis pinggir pantai sepanjang 50 batu, negeri ini dapat dibahagikan kepada empat unit pentadbiran. Unit-unit pentadbiran itu adalah Daerah Melaka Tengah, Daerah Alor Gajah dan Daerah Jasin dan akhir sekali ialah kawasan Bandar Melaka sendiri (Rujuk Rajah 1)

Bandar Melaka terletak di mulut Sungai Melaka. Walaupun bandar ini adalah di antara yang terkecil tetapi ia mempunyai sejarah yang terpanjang sekali yang bermula dari awal abad ke 15 yang banyak meninggalkan kesan kepada bandar ini sehingga sekarang. Ianya bermula dengan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka iaitu dari penghujung abad ke 14 hingga ke awal abad ke 16. Dalam masa itu ia merupakan pusat perdagangan dan bandar yang terkenal di timur. (Wheatly, 1959). Selepas itu ia dijajah oleh kuasa-kuasa Eropah bermula dengan Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1824) dan akhirnya oleh British (1824-1957).

Bandar Melaka mula membangun dari awal abad ke 15 iaitu dengan tindakan-tindakan dan polisi-polisi yang dijalankan oleh beberapa pihak berkuasa seperti raja-raja kesultanan melayu Melaka, Portugis, Belanda, Inggeris dan sekarang oleh kerajaan selepas merdeka.

Pembinaan bangunan di tepi dan sekitar sungai Melaka boleh dikesan dari dulu lagi. Ianya mengembang dan kemudiannya menjadi kesan penting kepada asas morfologi, kesan bentuk dan arah pertimbuhan.

Fungsi bandar sebagai pusat perdagangan laut (pelabuhan) sejak akhir abad 14 juga menjadi sebab mengapa bandar ini tertumpu.



Rajah 1: Unit Pentadbiran Negeri Melaka.

di sekitar kedua-dua tebing mulut sungai. Sungai yang menjadi alat perhubungan penting pada ketika itu juga menerangkan mengapa pertumbuhan bandar tertumpu di situ. Tambahan pula laut menjadi fokus perdagangan dengan dunia luar.⁶

Pada permulaannya Melaka hanyalah sebuah perkampungan nelayan yang dihuni oleh lebih kurang 20 hingga ke 30 orang sahaja. Mereka ini terlibat dengan aktiviti menangkap ikan dan melanun. Kedatangan paraimigran dari Jawa dan Sumatera yang kemudiannya memperkenalkan pertanian telah menyebabkan penduduk Melaka bertambah. Di anggarkan penduduk Melaka pada waktu itu seramai 40,000 orang.⁷ Kepesatan dalam pertambahan penduduk yang pesat ini adalah kesan dari pemerintahan yang baik, kedudukannya yang strategik di tengah-tengah jalan perdagangan di antara Laut China Selatan dan Lautan Hindi. Pengaruh tiupan angin monsoon juga mempengaruhi pelayaran kapal-kapal.⁸

Dalam zaman pemerintahan kuasa-kuasa Eropah Bandar Melaka mula berubah corak. Kedatangan mereka yang ingin menjadikan Melaka sebagai kubu pertahanan di timur dan untuk mengembangkan agama kristian di samping untuk berdagang telah menyebabkan terbinanya struktur-struktur bangunan tinggi yang berfungsi sebagai kubu pertahanan dan gereja-gereja.

Dalam zaman pemerintahan Portugis, pusat bandarnya adalah terletak di dalam kubu. Di sinilah terletaknya tempat tinggal gabnor, Bishop dan Dewan Perundangan. Di samping itu terdapat lima buah gereja dan dua buah hospital.⁹ Di antara gereja-gereja ini ialah Our Lady of Annunciation yang sekarang dikenali sebagai Gereja St. Paul's dan Gereja St. Peter. Kebanyakan bangunan-bangunan lain dimusnahkan oleh Belanda bila ia menakluki Melaka pada tahun 1641.

6. Bentuk morfologi Bandar Melaka juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kedudukannya ditepi Selat Melaka, kawasan paya, bukit dan hutan tebal. Pada zaman awal, kesemua ini menyekat pembangunan bandar.

7. Winstedt 1935 pp 48 & 52.

8. Wheatly 1959.

9. Cardon 1934 pp 19

Di luar kubu atau pusat Bandar di Zaman Portugis ini terdapat tiga buah pinggir bandar (suburb). Pinggir bandar yang pertama ialah Upe.¹⁰ Ia adalah yang terpenting sekali. Pinggir bandar kedua ialah Campon Kling.¹¹ Kawasan ini dihuni oleh imigran yang berasal dari Pantai Coromandel. Pinggir bandar ketiga pula ialah Sabac¹².

Dalam zaman pemerintahan Belanda, Melaka adalah sebuah bandar yang mundur. Begitu juga dengan kawasan-kawasan pinggir bandar. Peperangan dan penyakit mengurangkan jumlah penduduk kepada hanya 2,160 orang pada tahun 1640an. Jumlah ini adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya iaitu lebih kurang seramai 20,000 orang. Bandar Melaka lenggang dan ditumbuhi oleh pokok-pokok kelapa dan lain-lain. Ia lebih sesuai dipanggil semak samun dari kelihatan seperti sebuah bandar. Penduduk di bandar dalam zaman pemerintahan Belanda di katakan tidak pernah mencapai angka 15,000 orang.¹³

Dari sudut ekonomi, peranan Bandar Melaka sebagai pusat perdagangan entrepot bertambah merosot. Antara sebab-sebabnya ialah pelabuhan Melaka bertambah cetek secara relatifnya berbanding dengan saiz kapal yang datang. Polisi perdagangan Belanda yang mengenakan cukai pada semua kapal-kapal yang melintasi Selat Melaka memburukkan lagi keadaan. Kedudukan dan kestabilan pelabuhan Singapura yang dibuka pada 1819 juga memberi jawapan mengapa berlakunya kejatuhan mendadak dalam jumlah eksport dan cukai impot. Kesemuanya ini memberi kesan kepada bentuk fizikal bandar. Di antara bangunan yang didirikan dalam pemerintahan Belanda ialah Studhyus dan gereja Christ.

10. UPE ialah nama lain untuk Tranquerah (Tengkera sekarang ini).

11. Campon ialah perkataan yang digunakan untuk kampung.

12. Sabac ialah kawasan untuk Bunga Raya hari ini.

13. Laporan oleh Govenor Rathasar Both Melaka 1686. Journal of Malayan Asiatic Society (JMBRAS) Vol. 1(2) 1987.

Di antara masalah yang dihadapi oleh pemerintahan British ialah pertambahan penduduk yang membawa kepada kepadatan penduduk yang tinggi dalam satu batu persegi. Kepadatan seramai 2402 orang dalam satu batu persegi pada tahun 1891 meningkat kepada 3650 dalam 1911, 9015 dalam tahun 1931 dan menjelang kemerdekaan iaitu seramai 16,630 dalam tahun 1957 (Rujuk jadual 1).

Jadual 1: Jumlah penduduk dan kepadatan penduduk di Bandar Melaka dari 1836-1957

Tahun	Penduduk	% pertambahan	Kepadatan 1 batu persegi
1836	12,636	23	2402
1891	15,586	6	2440
1901	16,503	25	3650
1911	21,191	45	3650
1921	30,671	24	5931
1931	38,042	42	9015
1947	54,507	28	12916
1957	69,847		16630

Sumber: Laporan banci Negeri-negeri Selat 1891, 1901,
Laporan banci penduduk 1947, 1957;
Laporan Majlis Pemandaran 1958.

Pertambahan jumlah dan kepadatan penduduk di bandar memerlukan majlis pemandaran menyediakan rumah yang cukup untuk tempat tinggal. Keperluan ini begitu mendesak dalam tahun 1930. Keperluan dan kesesakan inilah yang menyebabkan timbulnya ciri bangunan bertingkat di bahagian bandar lama. Contohnya di Heeren Street, Jonker Street dan lorong 1, 2 dan 3. Pembinaan yang dilakukan tanpa perancangan dan ketelitian dengan tidak mengambil kira faktor cahaya dan udara (poor ventilation) adalah penyebab kepada merebaknya penyakit tubercolosis dan malaria.

Masalah lain yang dihadapi oleh pentadbir British ialah kekurangan pemilikan tanah oleh kerajaan British kerana hakmilik telah

diberikan oleh kerajaan Belanda kepada pemilikan individu. Tujuannya ialah untuk menambahkan pendapatan melalui cukai tanah. Ini merupakan batu penghalang kepada perlaksanaan projek-projek tertentu. Jadi kerajaan British terpaksa membeli semula tanah-tanah tersebut. Dalam masa inilah penduduk-penduduk Kampung Jawa Tengah, Kampung Jawa Pantai, Kampung Johol dan Kampung Darat Serambai dipindahkan ke Kampung Morten yang ada sekarang ini yang menjadi fokus kajian ini.

1.2 Bandar Melaka Hari Ini

Menurut Timbalan Yang Di Pertua Majlis Perbandarahan Melaka Tengah dalam Konvensyen Pembangunan Bandar dan Dasar Ekonomi Baru Bandar Melaka mengalami proses pembandaran yang pesat. Ini dapat dilihat dari segi keluasan kawasan Bandar Melaka. Pada tahun 1971, luas kawasannya hanyalah 4.2 batu Persegi sahaja tetapi hari ini luasannya telah bertambah berlipat kali ganda hingga menjadi 117 batu persegi. Pertambahan yang berlipat kali ganda ini boleh menjadi petunjuk yang baik dalam melihat kepesatan pembandaran yang berlaku hanya dalam jangkamasa lebih kurang 17 tahun sahaja. Dalam masa penjajahan proses pembandarannya sangat lambat iaitu kira-kira 4.2 batu persegi sahaja selama kira-kira 400 tahun.¹⁴ (rujuk rajah 2)

Ditinjau dari segi jumlah penduduknya pula, pada tahun 1970, misalnya jumlah penduduknya ialah 204,000 orang tetapi pada tahun 1980 jumlah ini telah meningkat kepada 257,100 orang. Ini bermakna jumlah penduduk di Bandar Melaka telah bertambah sebanyak 26% antara 1970 hingga 1980 atau 2.6% setahun.¹⁵

Keadaan ini adalah kerana kesedaran kerajaan tentang betapa pentingnya ekonomi bandar dalam sesebuah negara. Kajian yang dijalankan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu misalnya jelas menunjukkan terdapatnya satu

14. Dr. Muhammad bin Nong. "Pembangunan Bandar Dan Dasar Ekonomi Baru dalam Konvensyen UMNO ke 8, Oktober 1981 Melaka.

15. Laporan Banci Penduduk 1980.

korelasi yang positif antara pembangunan bandar dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Makin tinggi peningkatan ekonomi sesebuah bandar makin tinggilah pula kemajuan ekonomi negara tersebut.

Keadaan ini terjadi kerana ekonomi yang lebih moden, konsepnya mempunyai sektor-sektor yang lebih moden, dinamik dan produktif jika di bandingkan dengan ekonomi luar bandar. Sesungguhnya sektor-sektor seperti perumahan, pengangkutan, perniagaan dan perindustrian yang menjadi teras ekonomi bandar sememangnya merupakan sektor yang progresif.¹⁵

Menyedari hakikat inilah maka dalam penyediaan Rancangan Malaysia ke lima telah disusun beberapa strategi pembangunan bandar bertujuan untuk mempertingkatkan kadar pembandaran dari 34.7% dalam tahun 1980 ke 40.7% pada tahun 1990. Di antara strateginya ialah menyediakan pelan struktur bagi bandar yang sedia ada yang mempunyai kemungkinan pemusatan dan pengkhususan kegiatan ekonomi secara besar-besaran mengikut bahagian dalam satu-satu bandar. Pelan struktur ini akan mengutamakan bidang-bidang penting seperti penentuan penggunaan kawasan, penyusunan lalulintas, sistem perparitan bandar, pembentungan dan pembuangan najis, pemeliharaan alam sekitar serta penyediaan perumahan dan kemudahan awam yang mencukupi menjelang tahun 1990.¹⁷

Melalui garis panduan yang dibuat dalam Rancangan Malaysia ke lima inilah maka kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Majlis Perbandaran Melaka Tengah cuba untuk memajukan Kampung Morten dengan pembinaan flat setinggi empat tingkat yang kemudiannya diubah kepada rumah berkembar setinggi tiga tingkat. Perancangan projek ini akan dibincangkan dalam bab 2.

15. Dr. Muhammad bin Nong dalam "Kertas kerja Pembangunan Bandar" dan Dasar Ekonomi Baru, 1987 dalam Konvensyen UMNO Melaka Pada 4hb Oktober di Ayer Keroh, Melaka.

17. Rancangan Malaysia Ke lima.

1.4. Konsep pembangunan

Menurut M.C. Namara,

Tujuan pembangunan ialah untuk menyempitkan jurang perbezaan¹⁸ di antara negara kaya dengan negara miskin.

Pembangunan ialah proses yang dilakukan oleh manusia dan masyarakat untuk memajukan sektor ekonomi, sosial dan kebudayaan bagi menyatupadukan masyarakat dan untuk memajukan negara. Dalam hal ini proses perubahan nilai adalah penting di mana nilai-nilai yang dianggap menghalang perkembangan dan kemajuan masyarakat diketepikan dan digantikan dengan nilai-nilai yang lebih moden. Ini kerana jika perubahan nilai tidak berlaku, pembangunan sukar dilakukan dalam masyarakat tersebut.

Bangsa-bangsa Bersatu menegaskan,

Pembangunan bukanlah untuk memenuhi kehendak kebendaan sahaja tetapi juga untuk memperbaiki keadaan hidup bukan sahaja pertambahan ekonomi tetapi juga untuk memperbaiki perubahan sosial, kebudayaan serta institusinya.¹⁹

Menurut Syed Husin Ali pula,

Pembangunan ialah membangunkan segala bentuk pembangunan dalam semua lapangan dengan sepenuh tumpuan dan mementingkan soal-soal yang asas dan tidak soal-soal lambang sahaja.²⁰

Santo mendefinisikan pembangunan sebagai,

The advancement toward certain well defined general objective which correspond to the specific condition of man and society to be found in the most advance societies of the world.²¹

18. M.C. Namara, World Bank Finance and Development.

19. United Nation, The United Nation Development Decade, Proposal action, Laporan oleh secretary Guard, New York, 1972.

20. Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan DBP Kuala Lumpur 1979

21. T.D. Santo, The crisis of Development Theory and The Problem of Defence in Latin, 1969 Vol. 21.

Bagi Gunnar Myrdal pula pembangunan ialah,

"The movement of the whole social system upwards
is what all of us in fact mean by development."²²

Istilah pembangunan juga dikaitkan dengan istilah kemajuan dan pertumbuhan.

Hal ini pernah dikemukakan oleh Galeski,

"The ideological connotation or emotion involve
with the term development give it a meaning close to
the term are frequently used synonymously".²³

Pendapat ini lahir hasil daripada hakikat bahawa pembangunan ialah satu proses perubahan yang berkembang secara evolusi. Ianya berkembang daripada satu keadaan yang mundur kepada keadaan yang lebih moden. Pembangunan adalah untuk menghasilkan satu keadaan hidup manusia dan masyarakat seluruhnya ke tahap yang lebih baik terutama dalam bidang ekonomi.

Pembangunan yang hendak dijalankan itu perlu dilakukan dengan teliti dan melibatkan semua aspek seperti ekonomi, politik dan sosial.

22. Myrdal Gunnar, Asian Drama, Pantheon, New York 1969.
Jilid XXX.

23. B. Galeski, Conflict and change as an aspect of development
dalam sociology Reviews, Vol. 12, 1972.

Unsur utama dan objektif pembangunan bandar

Semua bandar dalam dunia ini yang cepat mencapai kemajuan dalam pembangunan negara akan menghadapi satu jenis kronik penyakit di kawasan pusat bandar. Penyakit ini ialah keburukan bandar (urban deterioration). Penyakit ini digambarkan oleh keadaan-keadaan buruk seperti kekurangan tanah yang strategik, kurangnya perkhidmatan dan kemudahan, tidak cukup sistem trafik, kemunculan setinggan, pelbagai tuan punya tanah dan semua inilah yang menghalang kemajuan bandar.

Hanya satu solusi untuk menghapuskan dan mengubatkan penyakit ini ialah melalui rancangan yang dipanggil pembaharuan semula bandar. Namun begitu tidak banyak negeri yang mengimplementasikan rancangan pembangunan bandar. Ini kerana masalah besar dalam penempatan semua keluarga-keluarga dan pusat-pusat perniagaan yang terlibat, sebagaimana kata Alan F.C.Choe,

"untuk setiap kawasan slum yang dihapuskan maka sekurang-kurangnya tujuh rumah pangsa baru perlu dibina untuk menempatkan keluarga yang terlibat".²⁴

Objektif pembangunan semula bandar.

1. Untuk capai objektif sosial dengan cara membaiki keadaan penghidupan bagi kebaikan sosial (sosial betterment).
2. Untuk capai objektif ekonomi seperti menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.
3. Untuk tujuan pengindahan bandar.
4. Untuk mewujudkan struktur bandar yang sistematik.

24. Choe, AFC, "Urban Renewal" Ooi Jin Bee & Chiang Hai Ding (ed) Modern, Singapore, University of Singapore Press, Singapore 1969, m/s 161-170.

Bab 2.

Latar belakang tempat kajian.

2:1. Sejarah Kampung Morten.

Pada tahun-tahun 1920an, kawasan di sekitar jalan Bunga Raya membawa hampir ke pinggir Sungai Melaka terbahagi kepada empat buah kampung. Kampung-kampung itu ialah:

- 1: Kampung Jawa Tengah (Jalan Bunga Raya sekarang)
- 2: Kampung Jawa Pantai (Kampung Jawa sekarang).
- 3: Kampung Johol (Pasar Besar sekarang).
- 4: Kampung Darat Serembai (Pasaraya Formosa sekarang)

Tanah yang merangkumi keempat-empat buah kampung itu dimiliki oleh seorang hartawan melayu bernama Dato' Shamsudin bin Dato' Harun. Tanah tersebut telah diwakafkan sebagai kawasan penempatan. Apabila Dato' Shamsudin meninggal dunia, anak saudara beliau yang bernama Hajjah Aminah telah mengambil kuasa tanah tersebut menjadi miliknya.

Puan Aminah kemudiannya telah menjual tanah tersebut kepada pihak berkuasa bandar. setelah tanah itu dibeli, pihak berkuasa bandar telah memulakan kerja-kerja pembinaan pasar besar yang ada sekarang ini. Oleh yang demikian penduduk di keempat-empat buah

diketuai oleh J.F. Morten dikatakan telah campur tanganbagi menyelesaikan masalah tersebut.

Bagi yujuan pembelian tanah, J.F.Morten telah mewujudkan sebuah undang-undang kecil menaikkan cukai tanah tersebut. Alasan yang diberikan oleh beliau ialah tanah tersebut dapat mengeluarkan hasil atap sejumlah \$ 15.00 setahun. Jumlah ini merupakan satu jumlah yang besar pada ketika itu. Denagan cara yang demikian kedua-dua tuan tanah itu akhirnya bersetuju menjualkan tanah mereka kepada penduduk kampung yang ingin berpindah itu dengan harga \$ 8,000.00.

Pekara keduayang menjadi masalah ialah ketidak mampuan penduduk yang ingin berpindah itu untuk membayar harga tanah tersebut. Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini ialah, beberapa siri perundingan telah dibuat dengan J.F. Morten. Akhirny Dato' osman dan DEsang Hj. Abdul Ghani selaku penduduk kampung itu telah berjaya mendapatkan pinjaman sebanyak \$ 10,000.00dari pihak berkuasa bandaruntuk harga belian tanah seluas 16.5 ekar. dalam perjanjian yang dipersetujui, penduduk kampung bersetuju membayar sebanyak \$ 1.000.00 sebulan kepada pihak berkuasa bandar.

Tanah itu dipecahkan kepada 100 lot dan dinilaikan dengan harga \$ 100.00 tiap-tiap satu lot.Setelah selesai pembahagian tanah, maka pada akhir tahun 1922, kesemua penduduk di keempat-empat buah kampung itu berpindah. J.F Morten selaku ketua penguat kuasa tanah telah memberikan pengakuan hanya orang-orang Melayu sahaja dibenarkan memiliki tanah di kawasan penempatan baru itu.

Pada 1923, penduduk kampung yang tidak bernama itu menubuhkan sebuah lembaga mesyuarat kampung. Dato'

Osman telah dilantik sebagai ketua kampung secara rasmi. Dalam perjumpaan itu juga dibincangkan soal memberikan nama kampung itu. Nama-nama yang dicadangkan ialah Kampung Morten, Kampung Bunga Raya, dan Kemapaung Tanjung Bunga.

Suara terbanyak telah memilih nama 'Kampung MOrten sebagai nama rasmi kampung tersebut. Dato' Osman sendiri bersetuju dengan cadangan tersebut. Alasan yang diberikan ialah sebagai mengenang jasa J.F. Morten sehingga terbinanya kampung itu. Bagaimanapun, oleh kerana ada golongan yang kurang bersetuju dengan nama itu maka di samping nama rasminya, Kampung Morten juga dikenali dengan nama 'Kampung Baru'.

Dalam perjumpaan itu juga telah dinamakan tiga buah lorong di kampung itu dengan nama jalan Dato' Osman, Jalan Dato' Hamid dan Jalan Sidang Said. (25)

25. Hampir seluruh cerita sejarah kampung ini diceritakan oleh Tuan HJ. Hasim b. Abdul Ghani iaitu penduduk tertua Kampung MOrten. Cerita ini dapat dibaca dalam buku "Kampung MOrten Satu Kenangan Sejarah", seperna Jubli Perak Kampung tersebut (1956-1981). Buku ini telah di susun oleh oleh Encik Asmad dengan daya usaha UMNO cawangan kampug itu.

2:2. Lokasi Kampung Morten

Kampung Morten terletak ditebing kanan Sungai Melaka iaitu kira-kira dua batu dari mulut sungai yang menuju ke Selat Melaka. Luas keseluruhan kampung ini ialah 16.5 ekan. Kampung ini terletak di tengah-tengah Bnadar Melaka yang menjadi pusat pentadbiran dan pusat perniagaan. Oleh yang demikian tidak hairanlah jika ianya dikelilingi oleh bangunan-bangunan tinggi yang merupakan pusat pentadbiran dan perniagaan. Contohnya ialah di tepi tebing kiri sungai bertentangan dengan Kmapung Morten ini terletaknya Hotel Ramada Renaissance iaitu sebuah hotel yang bertraf antarabangsa. Hanya beberapa ratus kaki sahaja dari hotel itu terletak pula Hotel City Bayview dan Hotel Merlin. Kedua-duanya jugamerupakan hotel bertaraf antarabangsa.

Berhadapan dengan jalan masuk ke kampung ini iaitu kira-kira 200 kaki terletak perhentian bas utama bagi Negeri Melaka. Bersesuaian dengan peranan bandar sebagai pusat pentadbiran, hanya kira-kira 700 kaki sahaja dari kampung itu terletak pula Bangunan Seri Negeri iaitu pusat pentadbiran bagi Negeri Melaka.

Kini dengan pembesaran Jambatan Bailey akibat dari kesesakan jalan raya di Bandar Melaka telah menjadikan kampung ini lebih strategik. Selain daripada itu, Projek pembinaan pasar besar sementara di kampung itu bagi menggantikan pasar lama yang menyebabkan penduduk asal dulu, sedang giat dijalankan. (lihat gambar: lampiran 1).

Kesemua keterangan di atas adalah untuk menunjukkan kedudukan sebenar kampung ini baik dari segi kedudukan geographi mahupun tekanan-tekanan yang diterima dari kawasan sekelilingnya. Inilah juga

faktor utama yang mendorong pengkaji untuk memilih kampung ini sebagai fokus kajian. Kedudukan kampung ini dapat dilihat dengan jelas dalam peta lakaran yang disediakan. (Rujuk rajah 3).

2:3. Profail Kampung Morten.


2:3:1. Struktur binaan di Kampung Morten.

Di kampung ini terdapat sejumlah 97 buah rumah kediaman, sebuah surau, sebuah balai raya dan beberapa buah pondok yang berfungsi sebagai sebagai kedai runcit yang berfungsi sebagai kedai runcit dan gerai makan. dari jumlah 97, buah rumah ini hanya sebuah rumah sahaja yang dibina dengan struktur konkrit dan batu secara total. Selebihnyamasih mengekalkan corak senibina rumah tradisional Melayu Melaka. 80% daripada rumah-rumah ini merupakan rumah-rumah asal yang dibina oleh penduduk asal yang berpindah ke kampung itu.

Tetapi apa yang berlaku sekrang ialah terdapatnya kecenderungan mengubah suai dan membuat tambahan di bahagian-bahagian tertentu. Melalui perbualan pengkaji dengan beberapa orang responden, keadaan ini terpaksa dilakukan bagi mengatasi kekurangan ruang akibat dari pertambahan isirumah. Pekara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang berikutnya.

Bahan-bahan binaan yang digunakan ialah kayu, papan, atap rumbia dan zink bagi rumah papan dan struktur konkrit dan genting bagi rumah batu.

Kedudukan rumah-rumah di kampung ini boleh dikatakan agak tersusun iaitu dengan menghadap ketiga-tiga lorong utama yang terdapat. Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam rajah 4 di



Rajah 3: Lokasi Kampung Norton.

bawah.

setiap rumah akan menghadap **ketiga-tiga** lorong dikampung itu kecuali rumah-rumah yang di tepi sungai. Bagi rumah-rumah di **tepi sungai** pula akan dihubungkan dengan sebuah **titi** yang dibina dari kayu di sepanjang tebing sungai.

Apa yang ketara dalam susunan rumah ini ialah kedudukanny yang rapat-rapat di antara satu sama lain. Keadaan ini terjadi kerana lot-lot yang terdapat dalam kampung ini kecil. Purata keluasan satu lot ialah 4,000 kaki persegi. Kawasan sebegini hanya memungkinkan mereka membina sebuah rumah seluas 20 x 30 kaki persegi. Ini bermakna mereka terpaksa menggunakan hampir keseluruhan lebar lot untuk mendirikan rumah. Keadaan bertambah buruk bila kedapatan di antara para pemilik yang membina bangunan tambahan ataupun dikenali sebagai anjung atau 'soyok'.

Keadaan ini merupakan masalah yang dihadapi oleh penduduk dan akan dibincangkan dalam tajuk masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung ini.

Dari pemerhatian pengkaji kualiti rumah-rumah yang terdapat di kampung ini dapat dibahagikan kepada empat kategori seperti yang terdapat dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Kualiti Rumah.

Kategori	Jumlah	Peratus
Baik	20	20.6
Sederhana	55	56.7
Hampir buruk	12	12.37




Diagram 4.

Hampir buruk	12	12.37
Buruk	10	10.37
Jumlah	97	100.

Kualiti rumah ini berkait rapat dengan pendapatan benar yang diterima dalam sesebuah rumah tangga. (lihat bab 3).

2:3:2. Kemudahan-kemudahan yang terdapat.

Bersesuaian dengan kedudukannya di pusat bandar maka tidak menghairankanlah jika dikatakan bahawa penduduk kampung ini mendapat semua kemudahan yang didapati di bandar seperti bekalan-bekalan elektrik, air, telefon dan sebagainya. Selain daripada kemudahan-kemudahan asas ini, sebuah balai raya juga disediakan untuk kegunaan urusan kemasyarakatan seperti mesyuarat dan aktiviti-aktiviti persatuan. Kelas iaitu kelas tabika pada waktu pagi dan kelas memasak, menjahit, mengubah dan sebagainya pada waktu petang.

Mengikut laporan PKNM, jumlah penduduk kampung ini adalah 800 orang. Kesemua penduduknya adalah orang Melayu yang beragama Islam. Bagi kemudahan beribadat sebuah surau telah didirikan untuk bersembahyang. Pada hari jumaat dan sembahyang hari raya mereka boleh bersembahyang di masjid Kampung Hulu yang terletak kira-kira 0.5 batu dari kampung itu.

Selain dari itu majlis Perbandaran ada juga menyediakan beberapa perkhidmatan lain seperti mengangkut sampah pada setiap hari kecuali pada cuti am dan membersihkan longkang dan kawasan persekitaran kampung. Perkhidmatan lain yang diberi ialah menyembur serangga pada setiap bulan.

Kedudukkannya di pusat bandar memudahkan penduduknya membuat urusan rasmi dengan pihak pentadbir, kemudahan pengangkutan, kemudahan kesihatan dan lain-lain.

Bagi kemudahan bersukan pula walaupun di kampung itu sendiri tidak ada kawasan yang sesuai dan cukup tetapi mereka boleh menjalankan kegiatan-kegiatan riadah dan bersukan di Stadium Kubu yang berdekatan ataupun di padang Sekolah Kebangsaan Kubu.

2:3:3. Masalah penduduk.

Dilihat secara kasar penduduk kampung ini tidak mengalami banyak masalah. Mereka boleh mendapatkan hampir kesemua kemudahan infrastryktur dan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di bandar. namun begitu dari kajian yang dijalankan didapati banyak masalah semasa yang dihadapi oleh penduduk kampung ini.

Kerajaan Negeri Melaka melalui PKNM telah menjalankan kajian di kampung ini . Hasilnya beberapa masalah telah di kenal pasti di antara masalah-masalah itu ialah:

1. Masalah banjir.
2. Masalah sistem longkang dan perparitan yang kurang baik.
3. Masalah pencemaran air dan bau.
4. Masalah kepadatan perumahan yang tinggi.
5. Hakisan tebing sungai.

1. Masalah banjir.

Oleh kerana masalah banjir ini ada kaitannya dengan sistem longkang dan perparitan yang kurang baik dan akhirnya membawa kepada pencemaran air dan bau maka ketiga-tiga masalah ini akan dibicarakan bersama.

Banjir merupakan masalah yang sering dihadapi ini kerana keadaan topografinya yang rendah. Air akan melimpah masuk ke dalam rumah setiap kali air laut pasang penuh iaitu tiap-tiap kali pertengahan bulan mengikut kiraan bulan islam. Keadaan ini akan bertambah buruk dalam bulan-bulan November, Disember, dan Januari. Dalam satu-satu ketika air akan naik hingga dua kaki.

Kedudukkannya di tepi sungai juga menjadikan paras air bawah tanahnya tinggi. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat menggali lubang untuk menenpatkan lubang najis. Jadi mereka terpaksa menggunakan tandas curah yang mengalir masuk ke dalam longkang yang kemudiannya mengalir ke sungai.

Keadaan longkang yang cetek dan kecil yang penuh dengan mendapan lumpur dan sampah menyekat kelancaran pengaliran air ke sungai. Jadi setiap kali hujan lebat dan air pasang penuh keseluruhan kampung ini akan dipenuhi dengan sampah sarap dan najis. Apabila air surut kekotoran ini akan tertinggal dan kemudiannya meniggalkan bau busuk.

Sebelum permindahan pusat penyembelihan binatang termasuk babi iaitu kira-kira 300 kaki dari kampung itu

pada tahun 1982 pencemaran air dan bau yang berlaku adalah lebih teruk. Penduduk kampung yang kesemuanya beragama Islam itu ragu-ragu dengan kebersihan dan kesucian rumah mereka kerana bahan buangan dari pusat penyembelihan seperti darah dan najis yang dibuang ke dalam longkang yang kemudiannya mengalir ke sungai melalui kampung mereka.

Pencemaran air dan bau ini bukan sahaja menimbulkan rasa ketidak selesaan tetapi juga boleh mendatangkan kesan kesihatan yang buruk jika tidak diambil tindakan yang sewajarnya.

2. Masalah kepadatan rumah yang tinggi.

Seperti yang telah dijelaskan di atas (bahagian struktur binaan) kawasan ini merupakan sebuah kawasan yang padat. Kepadatan yang tinggi ini berpunca dari keluasan lot dalam kampung ini yang kecil iaitu purata 4,000 kaki persegi dengan ukuran panjangnya lebih dibandingkan dengan kuran lebarnya. Ini memaksa mereka membina rumah hingga hampir sama lebarnya dengan lebar lot tanah mereka. Selain daripada itu kecenderungan untuk membina bangunan tambahan tanpa perancangan yang dan tanpa mendapatkan kelulusan dari MPMT lagi menampung jumlah ahli keluarga yang semakin ramai memburukkan lagi keadaan. dari pemerhatian pengkaji didapati jarak dari sebuah rumah dengan sebuah rumah ialah di antara tiga hingga 7 kaki.

Kesesakan ini mengurangkan peredaran udara dan cahaya yang boleh memberikan kesan negatif kepada kesihatan. Kedudukan rumah yang rapat ini juga amat membahayakan jika sekiranya berlaku kebakaran.

-35-

Oleh kerana hampir semua lot digunakan maka apa yang jelas kelihatan ialah ketiadaan ruang yang cukup

-35-

untuk menjalankan majlis-majlis seperti perkahwinan dan tempat permainan kanak-kanak. Untuk mengatasi masalah ini, mereka terpaksa menggunakan kawasan lorong di hadapan rumah mereka bagi mengadakan majlis-majlis tertentu dan membiarkan anak-anak mereka bermain di tepi jalan dan ditepi sungai walaupun mereka tahu bahaya yang mungkin akan menimpa.

3. Masalah hakisan tebing.

Masalah ini juga merupakan masalah besar yang dihadapi oleh penduduk kampung ini terutamanya penduduk yang tinggal di tebing sungai. Laluan bot-bot nelayan telah memburukkan lagi keadaan. Hakisan tebing sungai ini bukan sahaja menjadikan tanah mereka semakin kecil dan merugikan mereka malahan jika keadaan ini tidak dikawal dan dibiarkan berterusan akan membahayakan penduduk-penduduk yang tinggal di tebing sungai. Usaha memancangkan kayu-kayu bakau yang dijalankan oleh kerajaan di sepanjang tebing sungai di kampung itu tidak begitu memuaskan kerana tepi sungai itu dalam dan kayu itu tidak dapat bertahan lama.

2:4. Cadangan projek yang dicadangkan.

Dalam perancangan Rancangan Malaysia kelima beberapa strategi pembangunan telah dirancang. salah satu strategi pembangunan yang telah digariskan ialah memajukan kawasan-kawasan yang mungkin mempunyai pemusatan dan pengkhususan kegiatan ekonomi secara besar-besaran. Melalui garis panduan yang dibuat ini Kerajaan Negeri Melaka telah mengenal pasti Kampung Morten sebagai sebuah kawasan yang amat strategik dan amat sesuai dimajukan. Pemilihan ini dibuat kerana lokasinya yang terletak di pusat bandar yang menjadi tumpuan kegiatan ekonomi dan sebagai usaha untuk menyeragamkan dan mengindahkan Bandar Melaka.

Projek pertama yang dicadangkan untuk dimajukan di kampung ini ialah pembinaan flat empat tingkat pada tahun 1980 untuk menempatkan penduduk kampung itu dan bangunan-bangunan perniagaan. Cadangan ini telah ditolak oleh sebahagian besar penduduk kampung tersebut. Keengganan penduduk kampung ini menerima cadangan ini menyebabkan Kerajaan Negeri Melaka melalui PKNM dan MPMT telah merangka satu projek lain.

Projek kedua yang dicadangkan ialah pembinaan 90 buah unit rumah berkembar setinggi tiga tingkat yang dibuat pada tahun 1984. Di antara objektif pelaksanaan projek itu ialah seperti berikut:

1. Membina satu penempatan baru yang lebih selesa dan teratur untuk penduduk kampung selaras dengan pembangunan dan perubahan struktur ekonomi disekitarnya.
2. Menjadikan kampung ini sebagai sebuah kawasan yang lebih ekonomik yang dapat memberikan yang lebih tinggi.
3. Memberi peluang kepada penduduk kampung melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi yang lebih menguntungkan.
4. Menyeragam dan mengindahkan lagi Bandar Melaka.

2:4:1. Strategi pembangunan.

Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil tindakan awal mewartakan lot tanah di kampung itu diletakkan di bawah seksyen 4, Akta Tanah Negara iaitu pengambilan tanah. Dengan ini lot yang terlibat akan disatukan dan

dimajukan sebagai satu kawasan menyeluruh.

Tanah-tanah yang diambil semula oleh kerajaan ini tidak akan dibayar pampasan tetapi diubhsuakan kemudian diserahkan semula kepada tuan tanah. Mana-mana lot yang terlibat dengan pembinaan jalan akan digantikan dengan lot yang dimiliki oleh bukan bumiputera. (sebanyak 12 buah lot telah tergadai kepada bukan bumiputera).

Selain dari pembinaan 90 unit rumah berkembar ini turut akan dibina ialah sebuah balairaya, surau dan taman permainan.

Rumah berkembar tiga tingkat ini dipilih kerana sebab-sebab berikut:

1. Mengurangkan kos per unit.
2. Menyelaraskan dengan rancangan pembangunan di sekitarnya.
3. Memberi peluang pemilik menjadikan tingkat bawah dan tingkat dua sebagai tempat perniagaan dan pejabat sama ada diusahakan sendiri atau disewakan.

2:4:2. Jangka masa projek.

Projek ini dijangkakan akan mengambil masa selama tiga tahun enam bulan. Pecahan jangka masa projek ini adalah seperti berikut:

- | | |
|---|-----------|
| 1. Urusan pengambilan balik tanah dan pemecahan sempadan | 6 bulan. |
| 2. Pembinaan tembok sungai dan kerja-kerja penembakan tanah | 12 bulan. |
| 3. Kerja-kerja pembinaan | 24 bulan. |

Oleh kerana projek ini akan mengambil masa yang agak panjang penduduk kampung ini akan ditempatkan di penempatan sementara sama ada di rumah pangsa Lereh ataupun Ujung Pasir. Mereka tidak dikenakan sebarang bayaran semasa tinggal di penempatan sementara ini kecuali bayaran-bayaran perkhidmatan seperti air paip, letrik, kemudahan mengangkut sampah dan lain-lain perkhidmatan.

Projek ini dianggarkan menelan perbelanjaan sebanyak \$ 16,494,160.00. Jumlah projek ini adalah meliputi kerja-kerja seperti berikut:

1. Kos pengambilan balik tanah yang dimiliki oleh bukan bumiputera	\$480,980.00
2. Kos 'sheet piling' sedalam 60 kaki.	\$1,453,750.00
3. Kerja-kerja menambak tanah	350,000.00
4. Kerja pembinaan 90 unit rumah berkembar setinggi tiga tingkat	\$12,960,000.00
5. Infrastruktur jalan	304,000.00
6. Sistem perparitan	130,000.00
7. Air dan letrik	90,000.00
8. Lain-lain perbelanjaan	785,430.00
Jumlah	16,494,160.00

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.

2:4:3. Kewangan projek.

Dari item-item kos tersebut, dicadangkan perbelanjaan projek ditanggung oleh kedua-dua kerajaan dan penduduk kampung. Kerajaan melalui agensi-agensinya seperti Jabatan Parit dan Taliain, MPMT dan Jabatan Kerja Raya akan menanggung

perbelanjaan seperti di bawah:

1. Kos 'sheet piling'	\$ 453,750.00.
2. Kos infrastruktur	304,000.00.
3. Kos perparitan	130,000.00.
Jumlah	1,887,750.00.

Pihak tuan tanah pula terpaksa menanggung perbelanjaan seperti berikut:

1. Kos pembinaan	\$12,960,000.00.
2. Kos pengambilan balik tanah	420,980.00.
3. Kerja-kerja menambak tanah	350,000.00.
4. Air dan letrik	90,000.00.
5. lain-lain perbelanjaan	785,430.00.
Jumlah	14,606,410.00.

Bab 3

Latar belakang sosio-ekonomi Penduduk Kg. Morten

3.1. Aspek perhubungan sosial

Pada keseluruhannya dapat dikatakan perhubungan yang terjalin sesama mereka adalah amat baik. 98% daripada responden mengatakan mereka kenal keseluruhan penduduk kampung itu dengan mesra. 75% daripada mereka mengatakan bahawa mereka mengatakan mereka bukan bersendirian di kampung itu kerana jiran-jiran sebelah menyebelah rumah dan jiran sekampung kadang-kadang merupakan sanak saudara mereka. Hanya 2% sahaja daripada responden yang tidak mengenali kesemua penduduk kampung itu. Mereka ini adalah penyewa-penyewa yang berasal dari tempat lain. Seorang daripadanya ialah Hj. Ismail bin Abu Samah seorang pendatang dari Kampuchea. Beliau telah menetap di kampung itu sejak 7 tahun lepas. Dia tinggal bersama dengan isterinya. Menurut Pak Hj Ismail, selain daripada beliau seorang lagi anak lelakinya yang telah berumahtangga juga menyewa di kampung itu.

Seorang lagi responden adalah pendatang dari India. Beliau tinggal bersama-sama dengan 7 orang lagi rakannya yang juga berasal dari India. Mereka telah tinggal di kampung itu sejak 12 tahun lepas.

Jadual 3 Kemesraan perhubungan penduduk kampung.

Jadual 3

Kemesraan hubungan	Jumlah	%
Mesra	48	98
Tidak begitu mesra	2	2
Tidak mesra langsung	<u>0</u>	<u>0</u>
	50	100

Dari jadual kelihatan bahawa 98% daripada responden mengatakan perhubungan mereka adalah mesra. Hanya 2% sahaja mengatakan perhubungan

mereka dengan penduduk Kampung tidak begitu mesra. Sementara tidak ada responden yang mengatakan mereka tidak mesra langsung.

Keadaan ini bukan sesuatu yang mustahil kerana jumlah penduduk kampung ini bukanlah sesuatu yang besar dan kawasan yang diliputinya juga kecil. Tambahan pula 75% daripada responden mengatakan mereka mempunyai saudara mara di kampung itu. Hubungan saudara yang paling nyata ialah hubungan anak dengan bapam anak saudara dengan bapa saudara, hubungan sepupu, hubungan menantu dengan mertua, hubungan besan, hubungan biras dan lain-lain hubungan persaudaraan yang agak longgar yang diistilahkan dengan nama "bau-bau bacang".

Jumlah 2% yang tidak begitu mesra dengan penduduk kampung itu juga tidak mustahil kerana mereka merupakan pendatang dari luar. Tambahan pula mereka terlibat dalam bidang perniagaan seperti menjual pakaian dan membuka kedai makan. Jadi mereka tidak mempunyai banyak masa yang terluang untuk bergaul dan bermesra dengan penduduk kampung.

Apa yang perlu ditegaskan di sini ialah jumlah 98% itu mengenali keseluruhan penduduk dalam erti kata kenal dengan orang-orang tua ataupun ketua keluarga sesebuah rumah-tangga. Menurut orang-orang tua yang ditemubual mereka mengatakan mereka ada masalah untuk mengenali generasi muda atau yang diistilahkan oleh mereka dengan panggilan "budak-budak tengah naik".

Bagi menguji sama ada penduduk kampung itu benar-benar mesra atau tidak dengan jiran-jiran mereka pengkaji cuba merisik sama ada mereka pernah berselisih faham dengan jiran-jiran sebelah menyebelah rumah. Menurut seorang isteri responden yang ditemubual ".....ialah, manusia bukan semuanya sama, kata orang rambut sama hitam tapi hati lain-lain. Sedangkan lidah lagi tergigit. Iya tak? Kadang-kadang tu pasal buka radio kuat-kuat, kadang-kadang pulak pasal anak-anak". Namun begitu

menurut beliau itu semua tidak berpanjangan.

Kemesraan penduduk kampung itu dapat dilihat semasa 3 minggu pengkaji mengadakan kerja luar. Bagi kaum wanita yang tidak berkerja, pada waktu petang selepas menguruskan rumah tangga dan sementara menunggu kepulangan suami mereka akan berbual-bual di serambi rumah jiram. Dalam satu-satu ketika terdapat dua tiga orang surirumah yang berbual-bual dalam satu-satu pertemuan. Pertemuan begini diistilahkan sebagai 'bertandang'.

Bagi kaum lelaki pula peluang mereka untuk bermesra dengan jiran-jiran lebih banyak terbuka pada hari-hari kelepasan am. Mereka akan berbual-bual jiran sewaktu sedang mencuci kenderaan atau membersihkan kawasan persekitaran rumah. Ini dapat dilakukan kerana kedudukan rumah mereka yang rapat.

Oleh kerana semasa kajian dibuat umat islam masih lagi berada dalam suasana Hari Raya, maka didapati masih ramai lagi yang masih menziarahi jiran-jiran mereka. Ini menunjukkan wujudnya perhubungan baik di antara penduduk kampung. Hubungan mesra ini juga dapat dilihat dengan jelas semasa diadakan kenduri kendara. Oleh kerana salah seorang penduduk kampung pengkaji berkahwin dengan seorang penduduk Kampung Morten maka pengkaji berpeluang turut serta dalam majlis perkahwinan tersebut.

Dalam satu-satu majlis perkahwinan kesemua penduduk kampung akan dijemput sama ada oleh tuan rumah sendiri yang akan pergi dari rumah ke rumah ataupun dijemput oleh wakil tuan rumah. Kebiasanya dua tiga hari lagi sebelum majlis dilangsungkan, jiran-jiran perempuan akan datang untuk membuat kueh-kueh yang boleh disimpan agak lama seperti kueh bahulu dan tapai yang memerlukan masa untuk matang dan boleh dimakan. Orang lelaki pula terutama golongan beliau akan menyediakan tempat memasak (penanggah) dan tempat makan (balai geluk). Kesemua kerja-kerja ini dibuat tanpa mendapat arahan tuan rumah terlebih dahulu. Mereka akan

melakukannya dengan inisiatif sendiri tanpa perlu disuruh dan mereka tahu apa yang patut dilakukan. Kemesraan akan terlihat dalam majlis seperti ini terutama bila ada seorang dua yang nakal mengusik.

Gotong royong yang sama juga dilakukan jika sekiranya ada kematian dalam kampung itu. Mereka akan bersama-sama berusaha menyempurnakan mayat itu sehingga selamat dikebumikan. Bagi mereka yang tidak berperanan, mereka akan bersama-sama membaca Al Qurah di sebelah jenazah sepanjang malam jika sekiranya tidak sempat dikebumikan pada hari itu. Biasanya mereka ini terdiri daripada golongan belia.

Perhubungan orang-orang kampung ini juga dapat dilihat melalui penyertaan mereka dalam persatuan-persatuan tertentu yang wujud dalam kampung. Pada umumnya kebanyakan penduduk kampung ini terlibat dalam kebanyakan persatuan; terlibat dalam erti kata semua persatuan yang ditubuhkan adalah untuk faedah semua dan mereka merasakan mereka mempunyai, iaitu ada semacam rasa 'sense of belonging'.

Pertubuhan UMNO Cawangan Kampung Morten merupakan satu pertubuhan yang dominan. Melalui pertubuhan ini lahirlah persatuan-persatuan kecil yang lain seperti kumpulan nasyid, kompiang, marhaban, dan persatuan-persatuan sukan seperti bola sepak, sepak takraw, badminton dan pingpong.

Melalui pertubuhan UMNO inilah kegiatan-kegiatan seperti gotong royong, kelas bimbingan kanak-kanak, kelas Kemas, kelas bimbingan pelajar dan lain-lain aktiviti sosial dijalankan.

Dari kenyataan-kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa walaupun mereka tinggal di kawasan pusat bandar tetapi mereka masih mengekalkan corak hidup kekampungan seperti yang diamalkan oleh penduduk di kawasan luar bandar. Terdapat hubungan semula sesama mereka. Melalui hubungan semuka ini semua ini semua peristiwa atau perkara yang menimpa seseorang penduduk kampung ini akan diketahui dengan cepat oleh keseluruhan penduduk. Contohnya biar ada kemalangan atau kematian. Dengan cara yang sama juga

jika seseorang itu melakukan perkara-perkara yang tidak baik maka perbuatan itu akan cepat tersebar dan menimbulkan 'gosip' mengenainya. Gosip seperti ini boleh berperanan sebagai satu 'sanction' yang kuat pengaruhnya dalam masyarakat kampung ini. Keadaan ini jelas memperlihatkan terdapatnya perhubungan erat yang wujud sesama mereka.

3.2. Kepimpinan dan pentadbiran

Pentadbiran dan kepimpinan kampung ini dapat dibahagikan kepada dua: iaitu pentadbiran formal yang melibatkan badan-badan kerajaan seperti pentadbiran daerah dan tidak formal seperti lembaga kemajuan kampung.

Secara formal, kampung ini terletak dalam pentadbiran Daerah Melaka Tengah. Pentadbiran ini diketuai oleh seorang Pegawai daerah. Pentadbiran ini bertanggung jawab terhadap segala aspek pentadbiran dari menjalankan projek-projek pembangunan tertentu, menyalurkan berbagai kemudahan dan bantuan hinggalah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sesebuah kampung yang berada di bawah unit pentadbirannya. Bagi menjalankan semua tugas-tugas ini seorang penghulu telah dilantik sebagai orang tengah bagi sesebuah kawasan. Dengan hal yang demikian kampung ini juga mempunyai seorang penghulu yang dikongsi bersama dengan beberapa kampung lain di kawasan sekitar.

Selain daripada Majlis Daerah Melaka Tengah, sebuah lagi badan atau unit pentadbiran lain yang terlibat ialah Majlis Perbandaran Melaka Tengah. Majlis ini walaupun tidak terlibat secara langsung dalam organisasi pentadbiran sesebuah kampung tetapi ia banyak mempengaruhi kehidupan penduduk bandar termasuk Kampung Morten.

Oleh kerana kampung ini termasuk dalam pentadbiran Majlis Perbandaran ini maka penduduk kampung ini terpaksa membayar cukai pintu dan terikat dengan peraturan-peraturan perbandaran seperti mematuhi peraturan membina sesebuah bangunan atau binaan di kawasan bandar. Di

samping itu MPMT juga mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan melalui empat jabatan yang terdapat dalam majlis itu. Jabatan-jabatan itu ialah Jabatan Urusetia, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar.

Organisasi kepimpinan dan pentadbiran yang lain ialah unit pentadbiran peringkat kampung itu sendiri. Umumnya pentadbiran peringkat kampung ini dapat dibahagikan kepada dua. Pertamanya ialah Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung yang diketuai oleh ketua kampung sendiri ataupun yang lebih dikenali dengan panggilan Dato Sidang. Ahli-ahli jawatan kuasa ini dipilih oleh penduduk kampung dalam mesyuarat agung tahunan. Biasanya mereka yang dipilih ini terdiri daripada orang-orang tua dalam kampung tersebut.

Organisasi pentadbiran ini berperanan menguruskan segala hal ehwal kampung seperti berusaha mendapatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur, mengetengahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kepada pihak berkuasa dan mengadakan lain-lain aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong dan sebagainya.

Organisasi yang kedua ialah lembaga surau iaitu sebuah organisasi tidak formal.²⁷ Lembaga surau ini pula diketuai oleh Imam kampung tersebut. Jawatan-jawatan lain dalam lembaga surau ini ialah Khatib, Bilal dan Noja. Ahli-ahli Lembaga surau ini juga dikenali Pegawai Syarak dan Adat.

Tugas organisasi ini selain daripada menguruskan perjalanan surau ialah mengadakan majlis-majlis tertentu seperti menjemput penceramah memberikan syarahan agama, mengadakan majlis Maulud Nabi, majlis menyambut kedatangan Tahun Baru Hijrah, menguruskan upacara korban dan lain-lain upacara agama. Mereka juga bertanggungjawab menguruskan upacara-upacara seperti pernikahan dan kematian.

27. Tidak formal di sini bermaksud tidak terlibat secara langsung dalam pentadbiran kampung tersebut.

3.3 Latar belakang sosio-ekonomi Penduduk Kg.Morten

Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji cuma akan melihat aspek pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan dan simpanan mereka. Tujuan penelitian pekar-pekara ini ialah untuk melihat hubung kait antara kedudukan sosio-ekonomi dan pengaruhnya ke atas keputusan yang dibuat oleh penduduk kampung terhadap rancangan pembangunan yang dicadangkan pengkaji telah mengambil 50 orang responden bagi mewakili keseluruhan penduduk/

1. Struktur pekerjaan dan pendapatan

Dalam membicarakan soal ini pengkaji merasakan lebih baik membicarakan jenis pekerjaan dan pendapatan yang diterima bersama-sama kerana jenis pekerjaan akan menentukan jumlah pendapatan yang akan diterima.

Pada umumnya penduduk kampung ini tidak terlibat dengan ekonomi bercorak pertanian. Kebanyakan daripadanya adalah pekerja yang 'makan gaji' sama ada dengan kerajaan ataupun swasta. Hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dalam bidang perniagaan.

Dari kajian didapati seramai 22 orang responden merupakan kakitangan kerajaan dan 2 orang responden merupakan pesara dari perkhidmatan awam, manakala seramai 17 responden pula berkhidmat dengan swasta. Ini menjadikan jumlah mereka yang makan gaji ialah seramai 41 orang termasuk mereka yang telah bersara. Jumlah selebihnya pula iaitu seramai 9 orang merupakan golongan peniaga. Lihat jadual.

Jadual A: Pekerjaan Responden

Jadual A - Kg.Pandan

Jenis sektor	Jumlah	%
Kerajaan	24*	
Swasta	17	
Sendiri	9	
Jumlah	<u>50</u>	

* 2 orang daripada jumlah ini merupakan pesara dari perkhidmatan kerajaan.

Kesemua responden yang di temuduga tidak mempunyai kelulusan yang tinggi. Rata-rata responden hanya temat sekolah melayu dan hanya sebilangan kecil sahaja yang berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran dan sijil Pelajaran Malaysia. Keadaan ini hanya dapat menjadikan mereka pekerja-bawahan seperti buruh MPMT, budak pejabat, penjaga letak kereta, kerani dan operator pengeluaran.

Oleh kerana pekerjaan mereka tergolong dalam kelas bawahan maka pendapatan yang mereka terima juga rendah. Ini dapat dilihat dalam jumlah pendapatan yang diterima oleh sesebuah rumahtangga. Sebanyak 9 buah rumah-tangga menerima pendapatan sebanyak \$250.00 hingga \$350.00, 17 buah rumah-tangga menerima pendapatan di antara \$360.00 hingga \$450.00. 10 buah rumah-tangga menerima pendapatan sebanyak \$460.00 hingga \$550.00, 6 buah rumah-tangga menerima pendapatan sebanyak \$560.00 hingga \$650.00, 5 buah rumah-tangga menerima sebanyak \$660.00 hingga \$750.00 dan 3 buah rumah-tangga menerima pendapatan sebanyak \$750.00 hingga \$1,100.00. Lihat jadual 5.

Jadual 5. Jumlah pendapatan rumahtangga

Jumlah Pendapatan	Jumlah rumahtangga	%
\$250 - \$350	9	
\$360 - \$450	17	
\$460 - \$550	10	
\$560 - \$650	6	
\$660 - \$750	5	
\$750 - \$1100	3	
	<hr/>	
Jumlah	50	

Dalam mengira jumlah pendapatan sesebuah rumah tangga pengkaji juga memasukkan sekali pendapatan-pendapatan lain yang diterima dari lain-lain anggota keluarga yang bekerja dan juga dari sumber-sumber lain seperti pendapatan dari rumah sewa.

Dari jadual 4 dapat dilihat bahawa seramai 26 buah keluarga mempunyai pendapatan yang boleh dikatakan rendah iaitu dari \$350.00 hingga \$450.00. Sebanyak 16 buah keluarga juga menerima pendapatan yang sederhana iaitu dari \$460.00 hingga \$650.00 dan hanya sebanyak 8 buah keluarga menerima pendapatan yang tinggi iaitu dari \$660.00 dan ke atas. Dari kenyataan ini maka dapat kita simpulkan bahawa sebesar bilangan penduduk kampung ini mempunyai taraf sosio-ekonomi yang rendah.

Satu fenomena yang muncul walaupun tidak ketara ialah terdapatnya sebilangan responden yang mempunyai pekerjaan lain selain daripada pekerjaan utama. Seramai 9 orang responden mengaku ada membuat kerja-kerja sambilan di luar waktu kerja utama. Contohnya seorang juruteknik rendah di Lembaga Elektrik Negara juga mengambil upah membaiki televisyen dan radio. Menurut beliau dengan kerja sambilan ini beliau dapat menambah pendapatnya sebanyak kira-kira \$100.00 sebulan. Pendapatan ini dapat mengurangkan sedikit bebannya menyara 5 orang anak-anaknya yang masih bersekolah. Menurut beliau lagi, selain daripada itu ia tidaklah mensia-siakan ilmu yang di pelajarinya.

Bagi tujuan menambahkan pendapatan keluarga terdapat juga beberapa orang surirumah yang bekerja. Namun begitu jumlah mereka yang terlibat tidak ramai iaitu 5 orang. Selain daripada itu terdapat juga anak-anak responden sama ada lelaki atau perempuan yang turut bekerja tetapi jumlah yang mereka sumbangkan untuk keluarga tidak banyak. Menurut beberapa orang responden "asal mereka dapat belanja seluar baju mereka dah cukup, Pakcik tak kisah, berapa mereka bagipun pakcik ambil"

Kata-kata pakcik ini dapat menunjukan bahawa sumbangan yang diberikan oleh anak-anak mereka tidaklah banyak. Melalui soal selidik didapati sumbangan anak-anak berjumlah di antara \$50.00 hingga \$150.00 sahaja. Kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh atau operator pengeluaran di kilang-kilang.

3.3.2. Perbelanjaan

Pola-pola perbelanjaan dengan item-item yang menjadi penentu jumlah perbelanjaan keseluruhan sesebuah rumahtangga juga dapat memberikan sedikit gambaran tentang keadaan sosio-ekonomi rumahtangga tersebut. Dari sini pengkaji dapat mengangarkan taraf kedudukan sosio-ekonomi penduduk keseluruhannya

Perancangan jumlah perbelanjaan dalam sesebuah keluarga disesuaikan dengan pendapatan yang mereka terima; dan biasanya belanja dan kos hidup tinggi sekiranya mereka berpendapatan tinggi dan tanggungannya banyak.

menurut S.H. Hazmi

"...couples of wealth were normal to have more large families than middle class couples who were just comfortable".²⁸

Mengikut Lim Chong Yah pula,

"pendapatan menentukan perbelanjaan. Jika sekiranya pendapatan seseorang itu banyak maka banyaklah juga perbelanjaan ke atas barang-barang pengguna dan perkhidmatan:."²⁹

28. Hasmi S.H. "Factors in urban fertility difference in The United States Burgess E.Ros D.J.Borge (ed) M.S. 42-55.

29. Lim Chong Yah "Struktur & Organisasi Ekonomi" Fajar Bakti KL 1978 Hal 329

Pola perbelanjaan

Pada umumnya surirumah memainkan peranan penting dalam proses membuat keputusan menentukan perbelanjaan sesebuah keluarga. Perbelanjaan keluarga dapat dibahagikan kepada dua jenis utama. Jenis-jenis itu ialah:-

1. Perbelanjaan untuk keperluan asas.
2. Perbelanjaan mewah.

Perbelanjaan keperluan asas

Perbelanjaan bulanan sesebuah keluarga di kampung ini dapat diklasifikasikan kepada 6 item utama. Klasifikasi tersebut dibuat berdasarkan kajian terperinci ke atas belanjawan keluarga. Item-item tersebut ialah:

1. Barangan dapur (makanan)
2. Pakaian
3. pendidikan anak-anak
4. Pengangkutan
5. Pelbagai (Miscellaneous)

Barangan Dapur

Belanja dapur atau belanja terhadap makanan dalam sesebuah keluarga bergantung kepada besar kecilnya saiz keluarga dan struktur umur ahli-ahli keluarga tersebut. Semakin besar jumlah golongan remaja yang sedang mengalami proses pertumbuhan dalam famili maka semakin banyak quantiti barangan yang terpaksa dibeli. Manakala qualiti makanannya pula bergantung pada pendaptan keluarga tersebut. Item-item makanan yang dibelanjakan ialah beras, lauk pauh (ikan, daging, sayu-mayur) tepung, minyak masak, teh, kopi dan sebagainya. Belanja untuk barang-barang makanan merupakan belanja yang terbesar dalam sesebuah keluarga dalam setiap bulan. Lihat jadual 6.

Pakaian

Penduduk kampung ini tidak membeli pakaian pada setiap bulan. Perbelanjaan untuk item ini dibuat berdasarkan kemampuan. Mereka cuma akan membeli pakaian jika ada kelebihan wang. Perbelanjaan untuk item ini dibuat terutamanya di musim-musim perayaan seperti Hari Raya.

Belanja pendidikan anak-anak

Walaupun di negara kita pendidikan diberikan dengan percuma namun mereka terpaksa masa adakan juga perbelanjaan ke atas persekolahan anak-anak mereka; seperti membayar yuran, membeli alat-alat tulis dan buku-buku tambahan dan belanja harian untuk anak-anak.

Belanja Pengangkutan

Oleh kerana kedudukan kampung ini di tengah pusat bandar di mana bertuanpunya pejabat-pejabat dan kilang-kilang di sekitarnya maka mereka tidak perlu berbelanja lebih untuk mendapatkan. Lebih-lebih lagi perhentian bas utama Negeri Melaka terletak hanya beberapa ratus kaki sahaja dari kampung ini. Keadaan ini juga mempengaruhi jumlah pemilikan ke atas kenderaan yang akan dibincangkan dalam perbelanjaan mewah.

Pelbagai (Miscellaneous)

Selain daripada semua perbelanjaan di atas, mereka juga terpaksa memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan untuk beberapa perbelanjaan lain seperti bil-bil elektrik, air dan telefon. Perbelanjaan ke atas bil-bil ini bergantung kepada jumlah barangan elektrik yang dimiliki dan juga bilangan ahli keluarga serta struktur umurnya. Semakin ramai ahli keluarga terutama yang masih menuntut maka semakin tinggillah jumlah yang perlu dibayar.

Selain daripada bil, belanja lain yang digolongkan dalam perbelanjaan ini ialah peruntukan perbelanjaan ke atas cukai. Penduduk kampung ini terpaksa membayar dua jenis cukai pada umumnya selain dari cukai pendapatan. Cukai-cukai yang perlu dibayar ialah:-

1. Cukai tanah
2. Cukai pintu.

Cukai tanah yang perlu dibayar oleh semua penduduk pada keseluruhannya sama banyak iaitu \$132.00 setahun atau sebanyak \$11.00 sebulan. Persamaan dalam jumlah bayaran ini kerana jumlah keluasan satu-satu lot hampir sama besarnya. (rujuk semula tajuk struktur binaan kampung).

Cukai tanah yang perlu dibayar pula ialah sebanyak lebih kurang \$80.00 setahun atau sebanyak \$7.00 sebulan.

Ini menunjukkan bahawa kos untuk membayar kedua-dua jenis cukai ini agak membebankan penduduk terutamanya yang berpendapatan rendah.

Item-item lain yang termasuk dalam perbelanjaan 'pelbagai' ini ialah seperti yuran keahlian persatuan, derma dan sebagainya.

Bagi memberi gambaran yang jelas tentang perbelanjaan asas sesebuah keluarga dalam setiap bulan, pengkaji telah melihat perbelanjaan asas tiga buah keluarga yang berpendapatan \$460.00 sebulan. Lihat jadual 6.

Jadual 6: Jumlah perbelanjaan sebuah keluarga dalam sebulan

Jenis item	Nilai
a. Makanan	\$220.00
b. Pendidikan anak-anak	60.00
c. Pengangkutan	60.00
d. Pelbagai	70.00
Jumlah	\$410.00

Perlu diingatkan bahawa jumlah yang tercatat ini tidak tetap dalam setiap bulan. Angka-angka ini berubah dari sebulan ke sebulan mengikut keadaan tertentu seperti di musim perayaan ataupun jika mereka mengadakan kenduri-kendara. Dari jadual kita dapati bahawa terdapat lebih pendapatan sebanyak \$50.00. Lebihan ini digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti membeli barangan mewah.

Perbelanjaan ke atas barangan mewah

Adalah agak sukar memberikan definisi barang-barang mewah. Umumnya barang-barang mewah ialah barang-barang jika tanpanya sesebuah keluarga itu masih dapat hidup dengan sempurna. Kehadirannya hanya akan dapat meninggikan status sesebuah keluarga. Ada ketikanya barang-barang yang dianggap mewah oleh sesebuah keluarga tetapi merupakan barang perlu dalam keluarga yang lain. Contohnya seorang peniaga pasar malam mengatakan bahawa sebuah van adalah barang perlu untuknya menjalankan perniagaan tetapi sebuah keluarga lain mungkin menganggap sebaliknya.

Bagi mengatasi masalah mentkritkan mana satu barangan yang boleh dikatakan mewah dan barang keperluan maka pengkaji mengandaikan sebarang barangan pengguna yang tahan lama dianggap sebagai harta merupakan barangan mewah. Pemilikan terhadap barang-barang ini boleh dijadikan sebagai salah satu kayu ukur terhadap kedudukan sosio-ekonomi.

Jenis barang-barang yang boleh dikategorikan dalam barang-barang ini ialah pemilikan ke atas kenderaan yang berinjin seperti kereta, van, motosikal dan sebagainya. dan pemilikan ke atas barangan elektrik yang mahal seperti televisyen, perakam video, peti sejuk dan set hi fi. (lihat jadual)

Jadual 7: Pemilikan Marang Mewah

Jenis pemilikan	Jumlah responden
Kereta	5
motorsikal	16
televisyen	50
peti sejuk	46
perakam video	5
set hi fi	4

Jadual 7: Pemilikan barang mewah.

Dari jadual menunjukkan hanya 5 orang responden sahaja yang memiliki kereta. Dari jumlah ini 3 orang adalah peniaga yang memerlukan kenderaan untuk membawa barang dagangan mereka. Hanya 2 orang responden sahaja yang makan gaji menggunakan kereta. Ini dapat menggambarkan dua pekara. Pertamanya Berdasarkan pendapatan yang telah dibincangkan dan juga perbelanjaan asas sesebuah rumahtangga, maka dapat dikatakan bahawa sebilangan besar penduduk tidak mampu memilikinya. Keduaanya, bagi yang memiliki kenderaan, kenderaan itu digunakan untuk mendapatkan sumber pendapatan lebih dari berfungsi sebagai hanya memudahkan pergerakan pemilik.

Dari segi pemilikan motorsikal pula didapati 16 orang daripada responden yang memilikinya. Dari jumlah ini, 13 orang memiliki motor yang mempunyai kuasa kuda yang kecil (cub) dan hanya 3 orang sahaja memiliki motorsikal yang mempunyai kuasa kuda berkuasa 115 cc. Ini juga dapat diterangkan dengan merujuk kepada jumlah pendapatan dan corak perbelanjaan sesebuah rumahtangga.

Perlu dijelaskan bahawa hanya seorang responden sahaja yang mempunyai sebuah kereta dan sebuah motorsikal. Manakala yang lainnya mereka memiliki sama ada sebuah kereta atau sebuah motorsikal atau tidak memiliki kedua-duanya.

Kekurangan dalam pemilikan kenderaan bermotor ini bukan hanya disebabkan daya beli mereka kurang tetapi juga ada kaitannya dengan kedudukan kampung itu yang terletak dalam bandar. Penduduk boleh ke pejabat menggunakan kemudahan pengangkutan awam.

Ditinjau dari segi pemilikan televisyen dan peti sejuk pengkaji mendapat kesemua responden memiliki sebuah peti televisyen dan hanya empat orang sahaja yang tidak memiliki peti sejuk. Keadaan ini dapat diterangkan jika kita melihat fungsi kedua-dua alat ini. Walaupun mereka boleh mendapatkan hiburan lain dari pawagam yang berdekatan dengan mudah, tetapi dengan cara ini (televisyen) mereka tidak perlu berbelanja lebih. Selain daripada itu televisyen juga merupakan satu alat komunikasi yang berkesan. Begitu juga dengan peti sejuk, dengan membeli barang-barang dalam kuantiti yang banyak mereka bukan sahaja dapat harga yang lebih rendah tetapi juga dapat menjimatkan masa.

Perakam video dan set hi fi masih dianggap barangan bukan perlu atau dengan erti kata lain barang mewah. Mereka boleh menggantikan kedua-dua barang ini dengan alternatif lain yang lebih murah seperti televisyen dan radio biasa. Di dapati jumlah mereka yang memiliki barangan ini adalah sedikit sekali pemilik perakam video ialah 5 orang manakala yang memiliki set hi fi pula ialah 4 orang.

3.3.3. Simpanan

Satu lagi cara untuk melihat kedudukan sosio-ekonomi dan taraf hidup sesebuah keluarga ialah tabungan ataupun simpanan mereka. Menurut swift simpanan adalah

"the proportion of income, not spent on consumption..."³⁰

Dari pengertian ini dapat disimpulkan yang simpanan ada kaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan. Corak pendapatan dan corak perbelanjaan menentukan jumlah simpanan kerana simpanan dibuat daripada baki wang yang tidak digunakan ke atas perbelanjaan barang-barang dan perkhidmatan.

Simpanan ini boleh dibuat dengan berbagai-bagai cara. Di antara cara yang popular bagi orang melayu ialah di bank-bank perdagangan dan melabur dalam Amanah Saham Nasional. Satu lagi acara yang tak kurang popularnya ialah menyimpannya dalam bentuk barang-barang kemas. Nasional menyimpan seperti ini ialah mereka juga dapat menggunakannya sebagai perhiasan dan mereka berasa lebih yakin bila menghadapi sesuatu masalah kerana mereka mempunyai sandaran.

Aspek simpanan ini memang merupakan sesuatu yang penting dalam menentukan kedudukan sosio-ekonomi dalam sesebuah keluarga seterusnya dalam sesebuah komuniti. Malangnya pekara ini dianggap sebagai satu isu yang sensitif untuk diceritakan kepada orang lain. Pendirian mereka ini menjadikan pengkaji tidak mendapat maklumat sebenar tentang jumlah simpanan sesebuah rumahtangga dan institusi-institusi kewangan yang terlibat. Apabila disoal tentang simpanan mereka lebih suka bercerita tentang topik lain. Bila diulang persoalan yang sama mereka akan menjawab. ".....adalah sikit-sikit, dekat bank ada, dekat rumah ada, dekat

ASN pun ada".

Apabila disoal tentang nilai barang-barang kemas yang dimiliki mereka akan menjawab

".....ada tu memang le ada, tapi taklah banyak.

Makcikpun tak tahu pula nilai barang tu sekarang".

Oleh kerana kesukaran mendapatkan maklumat tentang simpanan responden maka pengkaji menggunakan maklumat pendapatan dan perbelanjaan untuk mengandaikan simpanan sesebuah keluarga. Apa yang dapat di simpulkan ialah saiz simpanan mereka adalah kecil. Dari jadual 5 didapati sebuah keluarga yang berpendapatan sebanyak \$460.00 sebulan membelanjakan sebanyak \$410.00 sebulan sebelum memasukkan perbelanjaan ke atas barangan mewah. Angka-angka ini seperti yang telah diterangkan adalah tidak tetap, namun begitu ianya boleh digunakan untuk mengandaikan bahawa simpanan keluarga tersebut adalah kecil. Dengan menggunakan andaian ini, kita juga boleh mengatakan rata-rata penduduk kampung tersebut mempunyai saiz simpanany yang kecil.

3.4. Kesimpulan

Melalui data-data mengenai jumlah peratusan penduduk yang menerima jumlah pendapatan tertentu yang dikatogorokan berpendaptan rendah, berpendapatan sederhana dan yang berpendapatan tinggi didapati sebanyak 26 buah rumahtangga tergolong dalam katogori berpendapatan rendah, 16 buah sederhana dan hanya lapan buah rumahtangga sahaja yang termasuk dalam katagori berpendapatan tinggi.

Dari segi perbelanjaan pula didapati sebilangan besar daripada mereka membelanjakan hampir 3/4 dari pendapatan yang mereka terima. Keadaan ini sudah tentu mempengaruhi jumlah simpanan mereka.

Ditinjau dari segi pemilikan pula didapati bilangan mereka yang memiliki item barang-baang mewah seperti kereta, motorsikal, perakam video dan set hi fi adalah sedikit.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa kebanyakan penduduk Kampong Morten mempunyai kuasa beli yang rendah akibat dari kedudukan ekonomi yang juga rendah.

University of Malaya

Bab 4.

Reaksi penduduk terhadap rancangan di kampung mereka.

4:1 Pengenalan.

Rancangan pembangunan Kampung Morten mula dicadangkan oleh kerajaan apabila menerima banyak sungutan tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk seperti masalah banjir, sistem perparitan dan sistem pembuangan najis yang tidak teratur, hakisan tebing dan lain-lain masalah serta kekurangan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Sungutan dari penduduk yang kesemuanya melayu dan kerana kedudukannya yang boleh mencerminkan imej Bandar Melaka telah menyebabkan kerajaan merangka satu program pembangunan untuk kampung ini.

Projek asal yang dirangkakan oleh kerajaan untuk dijalankan di kampung ini ialah pembinaan flat empat tingkat bagi menempatkan keseluruhan penduduk. Malangnya rancangan itu telah ditentang oleh sebilangan besar penduduk kampung. Menyedari rancangan itu tidak mendapat sambutan, kerajaan telah merangka satu projek baru iaitu pembinaan rumah berkembar setinggi tiga tingkat untuk penduduk kampung.

Rancangan itu telah diberitahu kepada Dato' Penghulu dan Dato' Sidang yang kemudiannya telah menyampaikannya kepada penduduk kampung. Selepas itu kerajaan melalui Unit Perancangan Dan Penyelarasan Negeri telah mengadakan pertemuan dengan penduduk kampung untuk mendapatkan maklum balas tentang projek yang akan dijalankan. Rancangan ini menerima pelbagai reaksi daripada penduduk kampung itu.

4.2 Reaksi responden.

Ada tiga reaksi utama yang ditunjukkan oleh responden semasa ditemubual oleh pengkaji. Reaksi-reaksi itu ialah

1. Reaksi positif.
2. Reaksi negatif.
3. Reaksi neutral.

Reaksi positif di sini bermakna mereka menerima rancangan untuk membina rumah berkembar setinggi tiga tingkat di kampung mereka. sebaliknya reaksi negatif pula ditunjukkan oleh mereka yang menentang projek tersebut. Bagi yang memberikan reaksi neutral, mereka tidak dapat memberikan keputusan mereka sendiri. Mereka boleh dianggap sebagai 'golongan atas pagar'. Keputusan yang mereka ambil bergantung kepada keputusan ramai. Jika majoriti memilih bersetuju dengan rancangan projek pembangunan itu, maka mereka akan turut bersetuju. Begitu juga sebaliknya.

Dari kajian didapati kesemua kecuali tiga orang responden tidak tahu langsung tentang projek yang dicadangkan. Ketiga-tiga mereka terdiri daripada penyewa di kampung itu. Dua daripada mereka telahpun diceritakan latar belakang mereka sebelum ini. Mereka adalah peniaga-peniaga yang berasal dari Vietnam dan India. Bidang perniagaan yang mereka ceburi menghalang mereka bergaul mesra dengan penduduk kampung. Lagipun mereka tidak dijemput bersam menghadiri perjumpaan yang dijalankan oleh unit Perancangan dan Penyelarasan Negeri Melaka kerana mereka bukan tuan tanah. Manakala seorang lagi responden baru beberapa bulan menyewa di kampung itu. Sikap yang menganggap mereka hanya penyewa di kampung itu juga menyebabkan mereka tidak merusah mengambil tahu perkembangan yang berlaku. (lihat jadual 8)

Jadual 8. Reaksi responden terhadap rancang pembangunan.

Reaksi penduduk	Jumlah	Peratus
Menerima	5	10
Menentang	34	68
Neutral	8	16
Tidak tahu langsung	3	6
	—	—
Jumlah	50	100

Kesemua reaksi yang diberikan kecuali tiga responden yang tidak tahu menahu tentang projek ini dapat dikesan dari tiga faktor utama. Faktor-faktor itu ialah faktor politik, ekonomi dan sosial. Jadi dalam perbincangan seterusnya pengkaji akan meneliti bagaimana ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi mereka membuat keputusan.

4:2:1. Reaksi positif.

Dalam jadual 7, didapati hanya lima orang responden sahaja yang bersetuju berpindah ke tempat penempatan sementara jika projek itu dijalankan dan seterusnya berpindah semula ke Kampung Morten setelah projek itu siap. Persoalan yang timbul ialah mengapa hanya lima orang? Persoalan ini akan terjawab setelah meneliti ketiga-tiga faktor politik, ekonomi dan sosial.

a) Faktor Politik.

Setelah meneliti latar belakang kelima-lima responden ini pengkaji mendapati mereka ini mempunyai hubungan langsung dengan projek yang dicadangkan. Merekaini merupakan 'orang penting' dalam kampung seperti ketua kampung dan 'Orang kuat UMNO' cawangan.

Mereka ini walaupun mengatakan tidak tetapi boleh dikatakan seolah-olah mereka berada dalam satu dilema. Sebagai golongan yang dipertanggung jawabkan mengetuai kampung dan sebagai orang tengah di antara orang kampung dan kerajaan merekalah yang menjadi penyokong dan pendokong dasar kerajaan. Kedudukan dan tanggung jawab ini tidak memungkinkan mereka menolak rancangan kerajaan kerana ianya mungkin menjejaskan kedudukan mereka atau dalam erti kata lain imej mereka di mata kerajaan khususnya pemimpin UMNO negeri akan terjejas.

Di sinilah letaknya pengaruh politik ke atas keputusan yang mereka buat. Malahan anak salah seorang responden itu merupakan salah seorang pegawai di PKNM yang terlibat secara langsung membuat pelan struktur membangunkan semula kampung itu. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah seolah-olah ada semacam satu hubungan memberi dan menerima dan semacam satu 'comitment' wujud di antaramereka dengan kerajaan.

Sebagai pemimpin kampung mereka juga merasakan dengan berjalannya projek yang dijalankan itu kelak mereka berasa semacam satu kejayaan bagi diri mereka. Ini jelas dari kata-kata salah seorang daripada mereka semasa ditemubual,

" Sebenarnya kami sudahpun menjalankan tugas kami. Kami tak mahulah setelah kematian kami nanti akan ada anak cucu yang mengungkit mengatakan kami tak pernah berusaha memajukan kampung ini".

b) faktor ekonomi.

Faktor ekonomi atau dalam kontek yang lebih tepat

dikatakan kedudukan sosio-ekonomi kelima-lima responden ini boleh dianggap faktor pendorong yang kuat yang mempengaruhi keputusan yang mereka buat. Meninjau kembali projek yang ingin dijalankan didapati bahawakos untuk satu unit rumah berkembar setinggi tiga tingkat itu adalah terlalu tinggi. Jadi walaupun mereka terlibat secara terus dengan projek tersebut tetapi kalau taraf sosio-ekonomi keluarga mereka rendah maka mereka terpaksa berfikirkan semasak-masaknya untuk menyokong dan seterusnya menerima cadangan tersebut. tegasnya mereka tetap menolak rancangan itu jika seliranya taraf ekonomi mereka rendah.

Setelah diselidiki keadaan sosio-ekonomi mereka didapati mereka merupakan limaorang dari lapan orang yang menerima pendapatan yang boleh di kategorikan sebagai tinggi iaitu dari \$660.00 dan ke atas. Jadi dapat dikatakan mereka ini mempunyai kedudukan ekonomi yang agak stabil. Keadaan ini jugalah yang menyebabkan mereka mengambil keputusan menerima rancangan pembangunan tersebut selain dari pengaruh politik

c) Faktor sosial.

Faktor sosial yang akan ditinjau ialah latar belakang sosial responden, corak hidup dan bentuk kehidupan yang akan mereka lalui jika rancangan tersebut diteruskan. Dalam hal ini pandangan seseorang itu amat penting. Pandangan ini akan berakar umbi dari latar belakang orang yang terlibat.

Seperti yang dijelaskan kelima-lima responden ini merupakan golongan yang terlibat dalam pentadbiran kampung dan birokrasi. Jadi dapat diandaikan yang mereka ini terdiri daripada yang berpandangan luas dan diantara yang berpengaruh di dalam kampung tersebut.

Sebagai pemimpin kampung sudah tentulah mereka ingin melihat kampung itu maju ataupun berubah mengikut perkembangan sekeliling di bawah pimpinan mereka. Faktor mereka menjadi pemimpin kampung ini jugalah yang membuatkan mereka bersikap begitu 'optimist' terhadap kejayaan tersebut; i.e mencapai matlamat yang dicita-ciitakan seperti mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk, membina sebuah pertempatan yang lebih tersusun, meninggikan taraf hidup dan sebagainya. (rujuk bab 2).

Selain daripada itu mereka tidak mahu Kampung Morten sebagai sebuah perkampungan melayu di tengah bandar tersepit dan tertinggal dalam arus pembangunan Bandar Melaka. Mereka mahu mengubah rupa bentuk dan seterusnya imej penduduk dan kampung yang selama ini ketinggalan kepada yang lebih dinamik yang mampu menerima dan memberi persaingan dalam segala aspek kehidupan.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa pandangan mereka ini banyak dipengaruhi oleh kedudukan mereka sebagai pemimpin kampung yang sewajarnya bersikap lebih 'optimistic'. Bagi mereka untuk maju dan membangun sewajarnya mereka sanggup mengorbankan sesuatu yang disayangi termasuklah nilai-nilai yang boleh menghalang atau melambatkan proses pembangunan. Adat dan nilai-nilai negatif seperti ini sudah tidak sesuai lagi dengan corak kehidupan masyarakat moden.

4:2:2 Reaksi negatif.

Reaksi negatif seperti yang telah dijelaskan datangnya dari mereka yang tidak bersetuju dan seterusnya menentang rancangan untuk membangunkan

terpaksa bersaing dengan mereka yang lebih segala-galanya terutamanya modal dan pengalaman. Dengan itu kejayaan projek ini dipertikaikan. Inilah yang menyebabkan mereka menentang.

b) Faktor ekonomi.

Dalam membicarakan faktor ini pengkaji akan melihat kema seimbans lalu tentang projek yang dicadangkan terutamanya tentang kos yang perlu ditanggung oleh penduduk kampung tersebut. Pengkaji seterusnya akan mengaitkan perkara ini dengan kedudukan sosio-ekonomi penduduk khususnya kepada 34 responden yang menentang cadangan membangunkan kampung mereka.

Mengikut sumber-sumber dari PKNM, pihak tuan tanah terpaksa menanggung kos-kos pembinaan, pengambilan balik tanah yang tergadai, kerja-kerja menambak tanah, letrik dan air dan lain-lain perbelanjaan. Kesemua kos ini berjumlah \$ 14,606,410.00. Setelah dibahagikan kepada 90 iaitu jumlah unit rumah yang akan dibina didapati jumlah kos atau harga bagi sebuah unit rumah ialah \$ 162,293.00. Jumlah inilah yang harus dibayar oleh tuan-tuan tanah. Ianya adalah satu jumlah yang terlalu tinggi untuk ditanggung oleh kebanyakan penduduk kampung tersebut.

Dalam bab kedudukan sosio-ekonomi yang telah dibincangkan sebelum ini didapati sebilangan besar responden (26 orang), tergolong dalam kategori mereka berpendapatan rendah. Mereka ini menerima pendapatan sebanyak \$250.00 hingga \$450.00 sahaja sebulan. Didapati juga kebanyakan mereka membelanjakan hampir keseluruhan pendapatan yang mereka terima setiap bulan. Dengan itu diandaikan tabungan yang dibuat oleh mereka juga adalah rendah.

Sebab kedua mengapa cadangan ini dirasakan kurang praktikal ialah andaian yang menganggap kesemua 180 tingkat dari 90 unit rumah itu dapat disewakan. dalam keadaan ekonomi negara yang kurang stabil dengan bermacam spekulasi yang timbul maka adalah susah bagi pemilik rumah tersebut untuk menyewakan dua tingkat dari rumah mereka. Kesukaran mencari penyewa yang sanggup menyewa akan mempengaruhi kemampuan mereka untuk menjelaskan ansuran bulanan rumah mereka.

Kegagalan mereka untuk menjelaskan harga rumah tersebut akan membawa kerugian besar kepada mereka. Mereka samada boleh menjualkan rumah tersebut atau terpaksa menanggung hutang seumur hidup mereka dan berlanjutan kepada anak cucu mereka. Pewaris rumah itu selepas kematiannya juga menjadi asas perhitungan. Mereka tidak mahu berlaku perselisihan faham berlaku selepas kematian mereka.

Halangan-halangan dan persoalan-persoalan ekonomi seperti inilah yang menyebabkan seramai 34 daripada 50 orangresponden mengambil keputusan tidak menerima cadangan kerajaan untuk memajukan kampung mereka.

c) Faktor sosial.

Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, perhubungan yang terjalin antara penduduk kampung adalah amat baik. Bagi pengkaji hubungan baik yang terjalin ini bukan sahaja kerana kebanyakan mereka ada hubungan kekeluargaan dan pengelibatan mereka dalam persatuan-persatuan kampung tetapi juga ada hubungannya dengan bentuk fizikal kampung dan rumah melayu Melaka.

Susunan rumah yang rapat dan bentuk rumah melayu Melaka yang mempunyai lebih banyak ruang-ruang yang terbuka seperti serambi dan pembinaan banyak tingkap menjadikanya

kampung mereka. Jumlah mereka yang dapat memberikan reaksi ini merupakan jumlah yang terbesar sekali. Ini dapat dilihat dalam jadual 7. Dalam jadual ini didapati seramai 34 orang daripada 50 responden menentang.

Sebab atau alasan penentangan projek ini juga dapat diteliti dari ketiga-tiga faktor politik, ekonomi dan sosial. Ketiga-tiga faktor ini saling memperkuat antara satu sama lain bagi digunakan menolak rancangan kerajaan.

a) Faktor politik.

Dalam bahagian ini pengkaji akan melihat hubungan responden dengan projek yang dicadangkan seperti juga dengan mereka yang memberikan reaksi positif. Namun begitu sudah tentulah sebab yang diberikan adalah berlawanan.

Berbeza dari mereka yang memberikan reaksi positif, pengkaji mendapati walaupun kesemua 34 responden yang menolak rancangan kerajaan ini juga merupakan ahli-ahli UMNO, tetapi mereka hanyalah setakat ahli biasa dalam pertubuhan tersebut. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak berada dalam keadaan semacam terpaksa dalam membuat keputusan. Tegasnya mereka boleh membuat apa-apa keputusan setelah memikirkannya dari segala aspek seperti kemampuan ekonomi dan faktor sosialnya.

Menurut kebanyakan daripada mereka sekiranya projek itu berjalan kelak mereka bimbang akan kemesukkan bangsa lain seperti cina dan india ke kampung mereka. Keadaan ini sudah tentu akan menyebabkan mereka terpaksa mengubah cara hidup mereka yang asal. Selain daripada itu mereka juga akan

terpaksa bersaing dengan mereka yang lebih segala-galanya terutamanya modal dan pengalaman. Dengan itu kejayaan projek ini dipertikaikan. Inilah yang menyebabkan mereka menentang.

b) Faktor ekonomi.

Dalam membicarakan faktor ini pengkaji akan melihat kema seimbans lalu tentang projek yang dicadangkan terutamanya tentang kos yang perlu ditanggung oleh penduduk kampung tersebut. Pengkaji seterusnya akan mengaitkan pekara ini dengan kedudukan sosio-ekonomi penduduk khususnya kepada 34 responden yang menentang cadangan membangunkan kampung mereka.

Mengikut sumber-sumber dari PKNM, pihak tuan tanah terpaksa menanggung kos-kos pembinaan, pengambilan balik tanah yang tergadai, kerja-kerja menambak tanah, letrik dan air dan lain-lain perbelanjaan. Kesemua kos ini berjumlah \$ 14,606,410.00. Setelah dibahagikan kepada 90 iaitu jumlah unit rumah yang akan dibina didapati jumlah kos atau harga bagi sebuah unit rumah ialah \$ 162,293.00. Jumlah inilah yang harus dibayar oleh tuan-tuan tanah. Ianya adalah satu jumlah yang terlalu tinggi untuk ditanggung oleh kebanyakan penduduk kampung tersebut.

Dalam bab kedudukan sosio-ekonomi yang telah dibincangkan sebelum ini didapati sebilangan besar responden (26 orang), tergolong dalam kategori mereka berpendapatan rendah. Mereka ini menerima pendapatan sebanyak \$250.00 hingga \$450.00 sahaja sebulan. Didapati juga kebanyakan mereka membelanjakan hampir keseluruhan pendapatan yang mereka terima setiap bulan. Dengan itu diandaikan tabungan yang dibuat oleh mereka juga adalah rendah.

Ekoran dari pendapatan yang mereka setiap bulan rendah dengantabungan yang sudah tentu juga sedikit maka dapat dikatakan daya atau kuasa beli mereka juga berkurangan. Secara relatifnya kuasa beli ini menjadi semakin rendah berbanding dengan harga rumah yang tinggi. Jadi apat disimpulkan bahawa faktor ekonomi merupakan sebab penting mengapa mereka menolak cadangan kerajaan untuk memajukan kampung mereka.

Cadangan kerajaan supaya mereka menyewakan dua tingkat pertama daripada tiga tingkat rumah tersebut dianggap kurang praktikal. Menurut kajian PKNM, jika dua tingkat itu disewakan pemilik rumah tersebut akan mendapat sewa bulanan sebanyak \$550.00. Dengan jumlah ini mereka akan dapat membayar haraga rumah tersebut dalam tempoh 24.5 tahun. Jadi diandaikan para pemilik tidak perlu mengeluarkan belanja lebihan untu membayar kos rumah itu.

Cadangan ini tidak begitu praktikal jika dilihat dari dua sudut. Pertamanya, dalam 50 buah rumahtangga yang dikaji terdapat sekurang-kurangnya 15 buah rumahtangga yang mempunyai dua atau lebih kelamin. Jadi jika sekiranya mereka menyewakan dua tingkat dari rumah tersebut, maka bermakna mereka terpaksa tinggal dalam keadaan sesak di tingkat ketiga ataupun mereka hanya menyewakan bahagian bAWAH sahaja dan terpaksa mengeluarkan jumlah wang tertentu bagi menggenapkan sebanyak \$ 550.00 sebagai bayaran ansuran bulanan.

Alternatif lain ynag boleh diambil ialah dengan menyewakan kedua-dua tingkat rumah itu dan untuk mengelakkan kesesakan mereka terpaksa mencari rumah lain yang lebih rendah sewanya. Ini juga bermakna selain dari terpaksa membayar sewa untuk rumah lain mereka juga terpaksa menembahkan perbelanjaan dapur bulanan kerana mereka terpaksa memasak secara berasingan.

lebih mudah dihipnotis oleh jiran dan seterusnya memudahkan komunikasi dijalankan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah kelihatan seolah-olah mereka mengadakan rumah terbuka sepanjang hari. Keadaan ini sudah tentu menggalakkan mereka saling mengunjungi dan berhubung mesra.

Situasi ini berbeza dengan rumah-rumah moden. Bentuk fizikal rumah yang lebih banyak bahagian-bahagian yang tertutup tidak begitu menggalakkan berlakunya interaksi sesama penduduk. Kebimbangan terhadap sikap individualistik yang bakal lahir dengan pembinaan rumah berkembar tiga tingkat yang dicadangkan menyebabkan mereka menolak rancangan tersebut.

Dari soal selidik kesemua responden mengatakan mereka hidup senang dan gembira walaupun terdapat beberapa keadaan yang tidak memuaskan. Bagi mereka bentuk fizikal rumah kampung itu juga membenarkan mereka melakukan beberapa perkara yang susah dilakukan dalam rumah-rumah moden. Contoh yang paling nyata ialah bila berlaku kematian dan kenduri kendara seperti perkahwinan.

Bagi menguruskan mayat umpamanya, Mereka boleh memandikan mayat di bahagian 'rumah atas' Air mandian itu akan jatuh ke dalam lubang yang digali di bawah rumah. Ini sudah tentu tidak dapat dilakukan jika mereka tinggal di rumah moden. Begitu juga ketika hendak membawa mayat ke kubur. Mereka boleh melakukannya tanpa mengalami banyak masalah berbanding dengan rumah berkembar setinggi tiga tingkat terutamanya jika dibina tanpa mengambil kira soal-soal seperti ini. Sebagai contohnya lorong-lorong tangga yang kecil dan berbelok-belok akan menyukarkan untuk membawa mayat turun.

Dalam majlis perkahwinan pula orang-orang melayu khususnya orang kampung ini cenderung untuk membina pelamin (tempat persandingan pengantin). Hal ini tidak menjadi

kesukaran dilakukan kerana bentuk rumah melayu yang lapang tanpa banyak bilik. Sebaliknya dalam rumah moden yang lebih terhad ruangan yang terbuka menjadikan ianya sukar dilakukan. Begitu juga kekurangan kawasan yang sesuai untuk memasak dan menjamu tetamu. Keadaan inilah yang digemari tidak digemai oleh mereka. Mereka tidak suka majlis majlis seperti ini di tempat lain seperti di dewan yang disewa.

Bagi mereka rumah adalah tempat segala-galanya bermula. Semua upacara yang berkaitan dengan kehidupan seseorang seperti bersunat, berkahwin dan kematian perlu dilakukan di rumah sendiri. Amalan ini sudah menjadi semacam satu institusi adat yang tidak akan dilanggar. Ini bersesuaian dengan peribahasa "biar mati anak jangan mati adat".

Perlu dijelaskan bahawa semua upacara yang dijalankan ini menjadikan hubungan mereka menjadi semakin erat. Melalui pengalaman penduduk rumah flat dan rumah moden sekitarnya menyebabkan mereka meniadakan rancangan kerajaan untuk memajukan kampung mereka.

4:2:3. Reaksi neutral.

Mereka yang idkategorikan dalam reaksi ini adalah mereka yang tidak dapat memberikan keputusan sama ada mereka menerima atau menentang projek yang dicadangkan. Menurut mereka keputusan sama ada projek itu perlu diteruskan atau tidak diserahkan kepada suara ramai. Jadi dalam hal ini dapatlah dikatakan bahawa mereka juga tidak bersetuju kerana majoriti daripada responden menunjukkan reaksi menentang terhadap projek itu.

Dari segi politik mereka juga terdiri daripada ahli-ahli biasa dalam pertubuhan UMNO cawangan kampung tersebut. Mereka tidak ada hubungan langsung dengan projek yang dicadangkan. Salah satu sebab mengapa mereka bersikap demikian ialah mungkin mereka tidak tahu tentang projek yang dicadangkan itu dengan jelas.

Pagi mereka jika majoriti bersetuju, maka tidak sebab untuk mereka menentang. Begitu juga sebaliknya. Ditinjau dari segi kedudukan ekonomi didapati mereka ini tergolong dalam kategori mereka yang berpendapatan sederhana. Mungkin kerana kedudukan ekonomi mereka di tengah-tengah ini membuatkan mereka sukar untuk membuat keputusan. Untuk itu, mereka menyerahkan keputusan kepada suara ramai.

Selain daripada itu, apa yang jelas mengenai orang yang memberikan reaksi ini ialah tiga orang daripada mereka adalah golongan penyewa. Jadi dapat diandaikan kenyataan bahawa mereka adalah penyewa menyebabkan mereka tidak merasakan diri mereka akan terjejas jika projek itu dilaksanakan.

walaupun apa sebabnya mereka menyerahkan keputusan mereka kepada suara ramai yang nyata didapati reaksi mereka tersebut menambahkan lagi bilangan mereka yang menentang projek tersebut.

4.3. Kesimpulan.

Pada keseluruhannya ada tiga reaksi yang ditunjukkan oleh responden. Tidak kira sama ada reaksi itu positif, negatif atau neutralianya berkaitan atau ada pengaruh faktor-faktor politik, ekonomi dan sosial.

Ketiga-tiga faktor ini saling berkaitan dan saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain.

Namun begitu dapat dirasakan faktor ekonomi lebih dominan dalam menentukan keputusan yang mereka buat.

University of Malaya

Bab Kesimpulan

Pada umumnya, kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan data-data dan maklum balas yang diterima daripada responden didapati dan boleh diandaikan majoriti penduduk kampung Morten tidak bersetuju kampung mereka dibangunkan dengan pembinaan rumah setinggi tiga tingkat seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka. Mereka cuma berharap masalah masalah yang dihadapi dapat diatasi ataupun dapat dikurangkan.

Di sebelah pihak lain pula, kerajaan memang menyedari masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung tersebut dan berusaha untuk mengatasi masalah itu dengan sepenuhnya. Selain daripada itu kerajaan cuba untuk menyeragamkan bandar Melaka dengan struktur konkrit yang lebih kemas dan teratur. Maka cara yang sesuai untuk memenuhi kedua-dua keperluan itu ialah dengan membangunkan semula keseluruhan kampung tersebut.

Tujuan membangunkan semula kampung tersebut juga ada hubungkaitnya dengan dasar pelancungan yang menjadi tumpuan utama Kerajaan Negeri akhir-akhir ini. Usaha membangunkan kampung itu merupakan salah satu cara untuk mencantikkan lagi Sungai dan Bandar Melaka dengan tujuan menarik lebih ramai lagi pelancung datang.

Namun begitu oleh kerana terdapatnya penentangan oleh sebahagian besar penduduk, maka rancangan pembangunan semula itu tidak dapat dijalankan. Perlu dinyatakan bahawa rancangan itu tidak akan dapat diteruskan biarpun hanya dua atau tiga orang tuan tanah sahaja yang menentang atau tidak bersetuju.

Menurut seorang pegawai di PKNM, keengganan walaupun seorang penduduk kampung tersebut menerima rancangan tersebut sudah cukup untuk menggagalkan keseluruhan rancangan tersebut. Menurut beliau lagi keengganan walaupun seorang tuan tanah terutama yang mempunyai tanah di

tengah-tengah kampung tersebut akan mendatangkan berbagai masalah seperti melaksanakan kerja-kerja meratakan tanah, membahagikan lot dan sebagainya.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah atau sekurang-kurangnya mengurangkan sedikit masalah penduduk kampung itu dan pada masa yang sama menerima tentangan untuk membangunkan kampung tersebut, maka kerajaan terpaksa mengubah rancangan asal tersebut. Prinsip yang patut dijadikan dasar perancangan kampung itu ialah berusaha mengatasi masalah atau mengurangkannya tanpa mengadakan perubahan besar pada latar bentuk kampung tersebut seperti mana yang dikehendaki oleh penduduk kampung itu. Dalam usaha memenuhi prinsip ini, caraya yang terbaik dilakukan ialah dengan menambahkan serba sedikit kemudahan asas dan membaiki sedikit sebanyak di mana yang perlu tanpa mengubah struktur latar bentuk kampung tersebut.

Dari temubual secara spontan dengan beberapa orang responden didapati alternatif untuk menambahkan lagi kemudahan pasaran di kampung itu lebih mendapat sambutan daripada cadangan membina rumah kos rendah (rumah awam) seperti yang terdapat di beberapa kawasan seperti di Batu Berendam, Kandang, dan Durian Tunggal.

Setelah kegagalan melaksanakan rancangan pembangunan semula kampung tersebut kerajaan telah menjalankan beberapa projek untuk mengatasi atau mengurangkan masalah penduduk kampung tersebut. Di antara projek yang telah dijalankan ialah seperti mengatasi masalah banjir, sistem perparitan dan masalah hakisan tebing.

Oleh kerana keadaan topografi kawasan itu rendah dan kerana kedudukannya di tepi sungai, maka tidak banyak yang dapat dilakukan untuk mengatasi masalah ini. Menurut Jurutera di MPMT, oleh kerana hanya kawasan ini rendah berbanding dengan kawasan sekitarnya maka hanya ada dua alternatif sahaja yang boleh diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Dua pilihan itu ialah:-

1. Menambak keseluruhan kawasan kampung itu untuk meningkatkan lagi aras tanah itu dari aras air sungai.
2. Membina longkang-longkang yang lebih besar dan dalam.

Dari dua alternatif ini didapati bahawa alternatif pertama tidak begitu sesuai dan tidak akan menjadi keutamaan. Ini adalah kerana kerja-kerja menambak keseluruhan kampung tersebut tidak akan dapat di jalankan tanpa mengubah atau merobohkan rumah-rumah yang sedia ada. Penduduk kampung sudah tentu akan menentang rancangan tersebut. Di satu pihak lain iaitu kerajaan, juga tidak akan menanggung risiko penentangan itu. Tambahan pula untuk menambak keseluruhan kampung tersebut dan mengubah atau merobohkan rumah-rumah di situ sudah tentu akan melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

Cadangan untuk menambak cuma bahagian luar rumah sahaja tanpa mengubah atau merobohkan rumah juga tidak begitu praktikal. Kebanyakan rumah-rumah di kampung ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian 'rumah atas' dan 'bahagian rumah bawah'. Bahagian rumah atas merupakan bahagian yang bertiang tinggi dan biasanya menempatkan ruang bilik tidur. Manakala bahagian rumah bawah pula berlantaikan simen dan biasanya menempatkan bahagian dapur dan bilik air.

Jika bahagian luar rumah sahaja yang ditambah, maka secara relatifnya bahagian dalam adalah lebih rendah. Jika hujan turun dengan lebat dan air pasang penuh, air akan mengalir masuk ke dalam rumah. Oleh kerana bahagian dalam lebih rendah dari bahagian luar maka mereka akan menghadapi masalah mengalirkan air yang telah digunakan. Dengan yang demikian maka alternatif menambak kampung tersebut tidak kira samada keseluruhan atau sebahagian kampung itu tidak sesuai dan tidak praktikal dijalankan.

Dalam hal ini pilihan kedua adalah lebih sesuai dijalankan. Pembinaan longkang-longkang yang lebih besar, dalam dan teratur bukan bermakna dapat menghalang dari berlakunya banjir, tetapi tujuannya ialah pembinaan ini akan boleh air keluar masuk dengan mudah. Ini akan dapat mengurangkan masalah air bertakung di kampung tersebut. (lihat gambar)

Kerja-kerja pembinaan longkang ini telah dijalankan pada bulan Oktober 1985 dan siap pada Disember pada tahun yang sama. Sebanyak tiga buah longkang konkrit yang berbentuk butur telur ('egg shape') telah dibina. Longkang jenis 'precast bloke' ini telah dibina selari dengan tiga lorong yang terdapat di kampung itu menuju ke sungai. Belanja pembinaan longkang ini ialah sebanyak \$270,000.00

Menurut responden yang ditemui, sejak pembinaan longkang ini masalah air bertakung mengambil masa yang agak lama untuk surut telah dapat dikurangkan walaupun tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya. Namun begitu mereka berpuashati dengan keadaan ini.

Pembinaan longkang ini juga dengan sendirinya telah berjaya mengurangkan masalah pencemaran bau dan sampah sarap yang bertaburan di kampung itu setiap kali air naik.

Bagi mengatasi masalah hakisan tebing pula penduduk kampung mencadangkan agar dibina tembok konkrit di sepanjang tebing sungai di kampung tersebut sama seperti yang dibina di tebing kiri sungai itu. Menurut kajian dari Jabatan Parit dan Taliair Negeri, jika rancangan itu ingin dijalankan ia akan melibatkan tebing sungai sepanjang 670 kaki.

Pembinaan tembok ini bukan sahaja boleh mengatasi masalah hakisan tebing, malahan pembinaan ini juga akan dapat mencantikkan lagi tebing sungai Melaka dan memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dijalankan. Di samping itu ianya akan dapat mengurangkan lagi masalah air naik.

Namun begitu, masalah yang timbul ialah belanja pembinaan tembok tersebut adalah sangat tinggi. Menurut kajian yang dijalankan oleh PKNM, usaha menembok tebing sepanjang 670 kaki tersebut akan menelan belanja sebanyak \$1,453,250.00. Ini merupakan satu jumlah yang besar berbanding dengan kepentingannya iaitu memberi faedah hanya pada segelintir penduduk Bandar Melaka khususnya penduduk Kampung Morten. Dengan hal yang sedemikian, rancangan tersebut terpaksa ditangguhkan.

Penangguhan pelaksanaan projek tersebut memaksa kerajaan mencari usaha lain bagi mengatasi masalah tersebut. Buat masa ini apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah dengan memancangkan sepanjang tebing sungai di kampung tersebut dengan kayu-kayu bakau. Kerja-kerja memancangkan kampung tersebut juga telah dijalankan pada tahun 1985.

Kerajaan juga telah membina titi atau tempat pejalan kaki di sepanjang tebing sungai di kampung itu. Tujuan utama pembinaan titi tersebut ialah untuk memudahkan penduduk berulang alik ke merata tempat di kampung itu. Di samping itu pembinaan titi ini boleh mencantikkan lagi kampung itu dan Bandar Melaka khususnya serta dapat menguatkan lagi struktur tanah di tebing sungai itu (lihat gambar)

Mengenai masalah kepadatan rumah pula, tidak banyak yang dapat dijalankan oleh kerajaan. Ini kerana masalah ini melibatkan kemahuan penduduk kampung itu sendiri. Bagi pihak kerajaan keadaan ini merupakan masalah kepada usaha menyeragamkan dan mengindahkan bandar. Kepadatan ini juga menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan kampung itu dijalankan. Contohnya membersihkan kawasan kampung dan menyembur racun serangga. Masalah juga akan timbul ketika menjalankan usaha menambahkan kemudahan prasarana seperti membesarkan longkangnya yang telah dijalankan. Penduduk kampung telah diminta merobohkan bangunan-bangunan tambahan ini sebagai semacam satu 'commitment' terhadap usaha-usaha yang dijalankan.

Namun begitu di satu pihak lagi iaitu penduduk kampung pembinaan bangunan-bangunan tambahan ini merupakan satu cara atau jalan penyelesaian yang sebaik-baiknya untuk menambah kekurangan ruang. Bilik-bilik tambahan ini dapat digunakan menampung bilangan isi rumah yang semakin bertambah. Menurut seorang surirumah yang ditemubual bangunan tambahan itu dibina kerana anak-anaknya ramai dan untuk menjimatkan belanja menurut beliau,

"makcik anak ramai, anak lelaki sulong makcik tu baru saja kahwin tahun lepas. Itulah sebabnya makcik buat bilik tambahan. Nak sewa rumah, mahal. Lagipun masak satu dapur lebih jimat".

Memandangkan ianya merupakan masalah kepada pihak pentadbir bandar maka beberapa undang-undang kecil telah digubal. Diantaranya ialah Akta jalan parit dan bangunan (Akta 133), 1974, Undang-undang Kecil Kerja Tanah (MPMT), 1982 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam(MPMT), 1984. Melalui undang-undang kecil ini untuk membina bangunan, membina sambungan, dan beberapa jenis pembinaan lagi dimestikan mendapat kelulusan dari MPMT. Tujuannya ialah untuk memastikan bangunan yang dibina selaras dengan kehendak undang-undang, selamat didiami, mudah disalurkan kemudahan asas dan untuk memastikan bangunan itu kelihatan cantik.

Walaupun demikian kerana faktor-faktor kemanusiaan, setakat ini belum ada tindakan yang diambil terhadap penduduk kampung itu. Kerajaan terpaksa akur dengan kehendak-kehendak penduduk kampung tersebut.

Sejak rancangan kerajaan untuk membangunkan semula kampung itu gagal, penduduk kampung mula membangunkan kampung mereka sendiri. Tindakan yang mereka lakukan ialah dengan membaiki semula rumah-rumah mereka dan mencantikkan kawasan persekitaran kampung. Amalan bergotong-royong membersihkan kawasan kampung dan membaiki rumah-rumah mereka ini adalah satu manifestasi keengganan mereka menerima perubahan. Pada

mereka, jika mereka dapat buktikan kampung mereka cantik, bersih dan mereka gembira tinggal dalam persekitaran itu cuma mengharap beberapa masalah di atasi maka tidak ada sebab mengapa kampung itu perlu dibangunkan semula oleh kerajaan.

Pada pendapat pengkaji usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh penduduk kampung itu adalah satu perkampungan yang positif. Pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang terlibat seperti PKNM dan MPMT seharusnya peka dengan perkembangan ini. Jika penduduk sendiri telah berusaha untuk mempertingkatkan lagi mutu tempat tinggal mereka maka kerajaan seharusnya pula membantu kerana perlunya diingat bahawa bukan semua mereka mampu berbuat demikian. Cara yang paling baik dilakukan ialah memberi bantuan melalui skim Rancangan Pemulihan Kampung.

Rancangan Pemulihan Kampung ini bukan sahaja dapat meningkatkan taraf atau kualiti rumah dan taraf hidup penduduk kampung itu malahan ianya akan dapat mencantikkan lagi bandar dan memberi imej baik kepada Negeri Melaka. Dengan demikian cita-cita kerajaan untuk menuju ke arah pembangunan dan cita-cita rakyat untuk menikmati kesenangan hidup dan kemudahan kebendaan akan tercapai.

Satu cadangan pengkaji selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai satu destinasi pelancung ialah dengan membangunkan kampung itu sebagai satu 'Muzium hidup'. Apa yang di maksudkan di sini ialah dengan membangunkan kampung tersebut sebagai satu perkampungan tradisional yang mempamerkan corak kehidupan sebenar orang-orang Melayu. Penampilan ciri-ciri keistimewaan yang boleh dibuat oleh kerajaan pada bentuk rumah dan kampung dengan kerjasama penduduk akan dapat menjayakan rancangan ini.

Kerajaan melalui agensi-agensi seperti Perbadanan Kemajuan Pelancungan (TDC) dan badan-badan swasta kemudiannya berperanan memperkenalkan sebagai salah satu destinasi pelancungan. Para pelancung terutamanya dari luar negeri akan lebih berminat untuk mengetahui corak sebenar kehidupan masyarakat tempatan.

Bagi menjadikannya lebih menarik, kerajaan boleh membina sebuah dewan atau pentas terbuka bersebelahan kampung tersebut untuk mengadakan persembahan-persembahan kebudayaan tempatan. Secara tidak langsung ianya dapat menghidupkan semula kebudayaan lama masyarakat tempatan terutamanya budaya orang-orang melayu yang kian tenggelam ditelan arus permodenan.

Tindakan ini dijangkakan bukan sahaja dapt menarik lebih ramai pelancung melawat Negeri Melaka melahan dengan adanya tumpuan orang ramai, penduduk kampung boleh menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Ini boleh memberikan pendapatan tambahan kepada mereka.

Dari segi sosialnya pula, sebagai penduduk jati terutama kepada pemimpin kampung, adalah agak membanggakan mereka jika nama kampung mereka terkenal sebagai salah satu tempat tumpuan pelancung.

Pengkaji sedar untuk melaksanakan rancangan ini akan mengundang bersama banyak masalah terutamanya masalah kewangan. Namun begitu nya akan lebih kemungkinan memandangkan ianya tidak melibatkan banyak perubahan kepada kampung tersebut. Tambahan pula mereka mungkin dapat menambahkan lagi pendapatan mereka. Ini berbeza dengan rancangan kerajaan untuk membina rumah berkembar setinggi 3 tingkat di kampung tersebut. Kegagalan rancangan tersebut ialah kerana tidak membuat penyelidikan yang teliti tentang kedudukan ekonomi penduduk dan mengeneipkan faktor-faktor halangan sosio budaya orang-orang melayu yang menjadi penduduk kampung tersebut.

88 NV/000220101



Gambar 1. Pemandangan Kampung Morten di tepi sungai.



101022001 JAN 88

Gambar 2. Hotel Ramada yang bertaraf antarabangsa di tebing kanan sungai.



KOTAZZOOM JAN 88

Gambar 3. Kampung Morten semasa air surut. Kelihatan titi atau jambatan yang dibina sepanjang Kampung.



KOTAZZOOM JAN 88

Gambar 4. Kampung Morten sewaktu air pasang dan hujan.

Lampiran 1.



Gambar 5. Gambar longkang yang baru dibina oleh kerajaan yang baru dibina oleh kerajaan bagi mengunangkan masalah banjir. Kelihatan juga paip-paip kecil yang menjadi saluran mengalirkan najis ke longkang. Selain dari itu dapat dilihat kedudukan rumah yang rapat. Ini juga dapat dilihat dalam gambar di muka surat sebelah.

Bibliografi

Administrative reports of Municipality of the Town and Fort of Malacca, 1948-1949, 1959-1969.

Abdul Maulud b. Yusof, Leadership dalam kampung Baru.
(Kuala Lumpur: Jabatan pengajian Melayu Universiti untuk ijazah B.A., 1965.

Abu-Lughod, Janet., Migrant adjustment to city life.
Gerald Breese(ed) The City in Newly Developing Countries.
Reading on Urbanisme and Urbanization, (Englewood, N.J.: Prentice-hall inc., 1969).

Allen, 1957 Report on the Major Port of Malaya. Kuala Lumpur.

Asmad., Kampung Morten satu kenangan sejarah. Muncul sistem Sdn bhd. Melaka, 1981.

Bergell, A., (ed) Urban sociology, (New York, Mc Graw-Hill Book Co., 1955).

Braddie, T., 1861, Statistic of the Britain Possion in Straits Of Malacca, Penang.

Breese, Gerald., Urbanisme in Newly Developing Country.

Cardon, 1934., Portugis Malacca., Journal of Malayan Branch Asiatic Society (JAMBRAS) vol 12(2)

- Choe, AFC, Urban Renewal Ooi Jin Bee & Chiang Hai Ding (ed). Modern, Singapore Universiti Of Singapore Press, 1969)
- Davida Kingly., The Urbanization of the Human population. Gerald Breese (ed) The City in Newly Developing Countries. Reading on Urbanisation and Urbanisme. (1969).
- Del Tufo, M.v., 1849 Malaya a report on the 1947 census of population, London.
- Donaldson, R.D., 1949 The present Land use of Malacca. Kuala Lumpur, Economic Planning Unit, report No 1.
- Fairbank., W., 1964 Looking Ahead --Malacca.
- Hand ook of the Malacca Municipality of Fort of Malacca 1950
- Hairi Abdullah Prses pembandran orang -orang melayuke Bandar Maharani. Kuala Lumpur Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tesis untu ijazah M.A. 1971.
- Hamzah Sendut., Some aspect of urban change in Malaya 1931-1957.
- Koentjranikat Masyarakat desa Indonesia masa kini.
- Lai siew York The Malacca municipality- A geographical study. (Universiti Malaya Kuala Lumpur. Teis untuk memenuhi ijazah M.A.
- Leupe. F.A. Laporan Banci penduduk 1980.. The Seight and Capture of Malacca the portugis in 1640-1641. (JMBRAS) Vol. XIX (I). Singapore .
- Lim Chong yah., Struktur dan organisasi ekonomi. Fajar Bakti ,Kl. 1978.

- Mac Gregor, I.A., 1966 Notes on portuguese in Malacca.
(JMBRAS). Vol XXVIII.
- Mazidah Zakaria, Susunan ekonmi dan sosial Changkat
larang, Kawasan simpanan Mlayu
Perak. (KL: Jab. Peng. Melayu, U.
Malaya. Tesisntuk ijazah M.A. 1967.
- McGee T.G, An aspect of the Urban of Malaysia.
The movement of Malays to K.
Lumpur city. (New Zealand Society
Record, No 39, Januari 0 june, 1965.
- Merewether, .E.W. 1891 Report on census of straits
settlements. Singapore.
- Myrdal Gunner Asian Drama, Panthoon, New
York, 1969. Jilid XXX.
- Pahl, R.e., The Rural Urban Continuum, (R.E.
Pahl(ed) Reading in Urban
Sociology, (London: Pergaman Press
Ltd., 1968).
- Rancangan Malaysia kelima.
- Rokiah Talib komuniti Melayu Bandaran, Kuala
Lumpur: Jab. Peng. Melayu U. Malaya.
Tesis untuk ijazah M.A, 1969.
- Report Of Gavennor Bathasar Both on Malacca 1686.
(JMBRAS). Vol 1(2) 1927.
- Resende, de Barreto, 1911, Account Of MaLACCA 1686 (JMBRAS)
- Sorokan ,P. & C.C. Zimmermaan , Principle of rural.
Urban Sociology. (N.Y. Hary-hall &
Straits Settlements, Anual
Administrative report, Malacca for
the years 1887, 1888, 1889
1890, 1891 1846-1949.
- Syed Husin Ali Apa itu pembangunan.
Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kl. 1979.
- T.D Santo The Crisis of development Theory
and the problem of Dependence in
Latin, 1969, Vol 21.
- United Nation , The United Nation Development

Lampiran 2.
Soal selidik.

Tajuk: Pembangunan semula dan reaksi penduduk
penduduk Kampung Morten.

No.responden:.....

Nama responden:.....

Jantina:.....

Tarikh lahir:..... Umur:.....tahun.

Alamat rumah:.....

Tarikh temuduga:..... Selesai.... tidak.....

1. Hubungan dengan ketua rumah:

1. Ketua rumah.....

2. Isteri:.....

3. Ibu / bapa / mertua:.....

4. Lain-lain (nyataka).....

2. Biodata keluarga.

Jadual:

Bil.	Nama	Jan.	Umur	Tar.	Hub.dgn.	Tar.
				per.	Ketua rumah	Pel.

1.

2.

3.

4.

5.

3. Adakah Encik penduduk asal kampung ini.

Ya..... Tidak:.....

4. Kalau tidak sebutkan nama kampung asal.

.....(alamat).

Bil listrik, air.

Lain-lain nyatakan

.....
.....

18. Simpanan:

1. Di mana menyimpan

- 1) Bank
- 2) Rumah
- 3) ASN
- 4) lain-lain nyatakan.

2. Kekerapan menyimpan: (nyatakan)

1. Setiap bulan.....
2. Kadang-kadang.....
3. lain-lain (nyatakan).....

3. Jumlah simpanan. \$.....

19. Pemilikan terhadap rumah:

1. Sendiri.
2. sewa.
3. Lain-lain (nyatakan).

20. Kalau rumah sendiri:

1. Tahun dibeli /dibuat.....
2. Harga waktu membeli /membuat.\$.....
3. Anggaran harga rumah sekarang.\$....

21. Kalau rumah sewa:

- 1) Sudah berapa lama menyewa.....
- 2) Berapa harga sewa
- 3) Pendapat tentang sewa yang dikenakan.
 - a) terlalu mahal.....
 - b) mahal.
 - c) sederhana.....
 - d) murah.....

22. keluasan rumah:

Panjang..... kaki, lebar.....kaki.

24. Bilangan bilik:

1. 1 bilik.....
2. 2 bilik.....
3. 3 bilik.....
4. 4 bilik & lebih

25. Berapa keluasan tanah Encik di kampung ini:

..... ekar.

26. Corak penggunaan tanah:

1. Tapak rumah sendiri.....
2. Tapak rumah sewa.....
3. Disewakan.....
4. lain-lain nyatakan:.....

27. Jika disewakan:

1. Siapa penyewa (nama).....
2. Berapa lama perjanjian dibuat.....
3. Harga sewa \$.....

28. Pemilikan terhadap barang-barang tetap.

1. Radio.....
2. Set Hi Fi.....
3. Televisyen....
4. Video.....
5. Peti sejuk....
6. lain-lain (nyatakan).....

29. Pemilikan kenderaan bermotor.

1. Motorsikal (nyatakan jenisnya)
a)..... b)..... c).....
2. Kereta. (nyatakan jenisnya)
a)..... b)..... c).....

30. Hubungan dengan masyarakat.

1. Adakah jiran anda mempunyai hubungan darah dengan anda: Jawapan: Ya / tidak.
2. Kalau ya, sebutkan jenis hubungan.....
3. Kalau tidak, adakah anda kenal jiran anda.
Jawapan: Ya..... tidak:.....

31. Pendapat anda bagaimana perhubungan orang-orang yang tinggal di sini.

1. Mesra
2. Tidak begitu mesra
3. Tidak mesra langsung
4. Tidak tahu.

32. Aspek pentadbiran dan kepimpinan:

1. Apakah cukai-cukai yang terpasa dibayar.

memajukan kampung ini.

Jawapan:.....

.....

6. Apakah keadaan yang anda fikirkan perlu diperbaiki dan diberikan perhatian.

a).....

b).....

c).....

7. Pada pendapat anda bagaimana kehidupan keluarga anda sekarang.

.....

.....

33. Tahukah anda kerajaan Negeri Melaka bercadang membina sebuah flat setinggi empat tingkat untuk penduduk kampung ini ?.

Jawapan: Ya... Tidak

35. Kalau ya, dari mana anda tahu.?

Jawapan:.....

36. Apa pendapat anda tentang pekara ini.

a)menerima.....

b)menentang.....

c)Tidak tahu.....

37. Beri sebab untuk jawapan anda.

.....

.....

.....